

PJP/2010/PBPI/S-806

**KERJASAMA ASEAN DALAM PROGRAM
PROFESIONAL:
SATU KAJIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

Oleh

Prof. Madya Dr Hanipah Hussin,

**Jabatan Pengajian Islam dan Kemanusiaan,
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan.
Universiti Teknikal Malaysia Melaka.**

hanipah@utem.edu.my

2011

**KERJASAMA ASEAN DALAM PROGRAM PROFESIONAL:
SATU KAJIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

ISI KANDUNGAN

Bil	TAJUK	
	KERJASAMA ASEAN DALAM PROGRAM PROFESIONAL: SATU KAJIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT	
	ISI KANDUNGAN	2
	ABSTRAK	4
1.0	Pengenalan dan Permasalahan Kajian	4
1.1	Mengapa PSH perlu dikaji di negara ASEAN?	5
1.2	Persoalan Kajian	7
1.3	Kaedah Penyelidikan	8
1.4	Definisi Pembelajaran Sepanjang Hayat	9
2.0	SOROTAN LITERATUR	11
2.1	Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam dan Hubungannya Dengan masa Hadapan	13
3.0	REKABENTUK KAJIAN	15
3.1	Sokongan (Scaffold) Terhadap Proses Pembelajaran Sepanjang Hayat Yang Efektif	15
3.2	Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat dan keperluan Individu	18
3.3	Konsep PSH Dalam Rancangan Pembangunan Negara	20
4.0	DAPATAN KAJIAN	22
4.1	Best Practices dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat: Malaysia	21
4.2	Best Practices dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat: Republik Singapura	30

4.3	Best Practices dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat: Philifina	35
4.4	Best Practices dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat: Indonesia	37
4.5	Best Practice dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat : Negara Ekonomi Sedang Berkembang Taiwan Dan Vietnam	42
4.6	Best Practice dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat : Korea Selatan	52
4.7	Best Practice dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat : Hong Kong	55
4.8	Best Practice dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat : Jepun	59
4.8.1	Best Practice dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat : Warga Jepun di Kanada	63
4.8.2	Best Practice dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat : Warga Jepun di Amerika Syarikat	65
4.9	Best Practice dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat :Negara APEC	66
4.10	Best Practice dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat : Kanada	70
4.11	Best Practice dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat :New Zealand	71
4.12	Best Practice dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat :UNESCO	73
5.0	PERBINCANGAN KAJIAN	75
5.1	Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Persoalan Perpindahan Kredit	75
5.2	Dasar Baru Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Rancangan Pembangunan Malaysia	78
5.3	Kerjasama dua hala	93
5.4	Program Kerjasama Teknikal Malaysia dan Negara Jiran	97
5.3	Kerjasama Serantau	105
6.0	KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN	113
6.1	Cabaran Baru Kepada Sarjana Tempatan Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat	
6.2	Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam kalangan Jurutera Tempatan	117
7.0	TINDAKAN SUSULAN dan REFLEKSI	121
7.0	RUJUKAN	122

KERJASAMA ASEAN DALAM PROGRAM PROFESIONAL:

SATU KAJIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Oleh

Prof. Madya Dr Hanipah Hussin,
Jabatan Pengajian Islam dan Kemanusiaan,
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan.
Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
hanipah@utem.edu.my

ABSRAK

Kajian ini memberi fokus kepada pembangunan kurikulum pembelajaran sepanjang hayat yang sedia ada di negara-negara ASEAN, Jepun, Kanada, USA dan New Zealand. Tujuan utama kajian adalah menganalisa beberapa bentuk pendekatan dan kurikulum serta model pembelajaran yang dapat dijadikan contoh dalam pembangunan kurikulum pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia. Dengan adanya pengetahuan terhadap pendekatan dan 'best practice' pembelajaran sepanjang hayat kerjasama ASEAN dalam program profesional dapat dilaksanakan. Peluang pasaran di negara –negara ASEAN masih luas tetapi system pemasaran kurikulum dan modul dari universiti belum dapat dikenal pasti. Oleh itu adalah satu keperluan untuk membuat kajian pasaran terhadap kurikulum dan modul ke negara-negara ASEAN. Dapatan kajian berupa disriptif terhadap beberapa kriteria modul yang menarik dan menepati keperluan pelanggan negara-negara ASEAN. Beberapa strategi pelaksanaan yang relevan dengan infrastuktur yang sedia ada telah dapat dikenalpasti. Beberapa bidang utama yang diperlukan dalam menjana peluang pembelajaran sepanjang hayat telah dapat dikenalpasti. Peranan pensyarah universiti dalam masyarakat dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat telah juga dikupas. Perbincangan dan kesimpulan kajian lebih berfokus kepada bentuk sistem dan peluang dalam pembelajaran sepanjang hayat di negara-negara ASEAN. Cadangan terhadap unsur-unsur inovasi dan teknologi yang sedia ada dalam masyarakat dalam menatang perubahan teknologi yang ada pada hari ini dapat digubal supaya ianya dibuat dalam bentuk mod pembelajaran sepanjang hayat.

Kata Kunci : Pembelajaran Sepanjang Hayat, model, inovasi, kurikulum, ASEAN

1.0 PENGENALAN DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Konsep pemelajaran sepanjang hayat (PSH) atau *lifelong learning* bukanlah merupakan satu konsep yang baru dalam sistem pendidikan negara. Namun begitu, ekoran dari perubahan persekitaran baru di mana ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-Ekonomi menjadi keutamaan, konsep PSH telah diberikan penekanan dalam pembangunan negara. Rencana ini akan memberikan penjelasan mengenai konsep dan pendekatan untuk merealisasikannya dalam pengurusan sumber manusia sektor awam.

1.1 Mengapa PSH perlu dikaji di negara ASEAN?

Mengikut UNESCO Shafritz, Koepe & Soper (1988). dan tokoh-tokoh pengkaji di bidang pendidikan, pada umumnya, mereka semua bersependapat bahawa Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah proses di mana orang dewasa secara terus – menerus memperoleh, dalam perlakuan sedar, pendidikan formal atau tidak formal sepanjang jangka masa hidupnya, sama ada bagi mengekalkan dan meningkatkan kemahiran vokasional atau untuk pembangunan personal.

PSH berlaku dalam tiga bentuk , (Hanipah Hussin: 2012). Pertama bentuk formal seperti di sekolah, Kedua, bentuk in-formal seperti kursus pendek, bengkel sehari atau ceramah atau sesi dialog. Ketiga pula adalah bentuk non -formal seperti 'tacit knowledge ' yang diperolehi semasa membesar bersama ibu bapa dalam institusi rumah tangga, keluarga angkat, asrama, tempat tinggal dan mana-mana persekitaran dalam kehidupan.

PSH yang diberi fokus dalam kajian ini adalah PSH yang bersifat lebih formal, ada kurikulumnya dan ada model operandinya. Mengapa PSH ini perlu dikaji? Justifikasinya adalah, PSH berbentuk formal ini telah mempunyai kurikulum, model, sistem pentaksiran dan penilaian yang sempurna dan tersusun. Isi kandungan

kurikulumnya mempunyai keesahan isi kandungan dan sistem pentaksiran dan penilaiannya mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, (Hanipah Hussin: 2005).

Salah satu cara bagaimana PSH ini boleh diukur dan di nilai dalam kajian ini adalah dengan memberi fokus kepada apa yang pekerja dapat belajar semasa mereka berada di tempat kerja.

Di tempat kerja, konsep PSH ini merujuk kepada proses di mana pekerja mendapatkan pengetahuan/*tacit knowledge* serta melalui pengalaman bagi meningkatkan kemahiran. Mengikut Raymond A Noe (2002) PSH memerlukan individu atau pekerja memahami keseluruhan sistem kerja termasuk perhubungan di antara kerja mereka, unit kerja mereka dan organisasi. Pekerja diharapkan memperolehi kemahiran baru, menggunakannya dalam kerja dan berkongsi maklumat (ilmu) dengan pekerja lain. Lebih kompleks lagi pekerja perlu terus belajar dan perolehi kemahiran yang berbeza dan pelbagai untuk tambah nilai diri.

Pertama negara-negara yang tergolong dalam kumpulan negara berpendapatan rendah dan sederhana tinggi di ASEAN menghadapi masalah kekurangan tenaga mahir dan separuh mahir serta infrastruktur yang kurang berkesan dalam menangani peluang –peluang melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat

Kedua, negara-negara yang tergolong dalam kumpulan negara yang berpendapatan sederhana dan rendah pula mempunyai bilangan penduduk yang ramai, tetapi tidak mempunyai institusi yang benar-benar berakreditasi dalam bidang pembelajaran sepanjang Hayat

Ketiga, kebanyakan daripada negara Islam di ASEAN mempunyai bilangan penduduk yang padat dan berkelompok di luar bandar . Ini menghasilkan saiz pasaran yang terhad. Maka aktiviti pembelajaran sepanjang hayat yang harus dilaksanakan di bahagian luar bandar kurang diberi perhatian. Masalah ini adalah peluang kepada terciptanya pembelajaran sepanjang hayat

Berdasarkan tiga hakikat di atas, pemimpin ASEAN yakin dan percaya bahawa negara Islam perlu bekerjasama dan merancang secara strategik untuk memastikan

bahawa mereka tidak ketinggalan dalam mendapatkan peluang pembelajaran sepanjang hayat. Atas dasar inilah pemimpin ASEAN mengesyorkan

- a. Kita harus mengenalpasti bidang kerjasama pendidikan antara negara ASEAN melalui beberapa institusi antarabangsa yang ada seperti OIC dan IDB dan Rabitah al-`Alamiah al-Islamiah. Sekiranya perlu, kita harus menubuhkan institusi yang lebih cekap daripada yang ada sekarang.
- b. Kita harus mengenalpasti potensi universiti ASEAN dalam bidang ekonomi, kewangan, pendidikan dan perdagangan melalui penyelidikan profesional. Penemuan-penemuan penyelidikan ini harus disebarkan seluas-luasnya, sebagai bahan dalam aktiviti pembelajaran sepanjang hayat
- c. Kita harus mampu menghasilkan suatu penerbitan MODUL PENDIDIKAN DAN LATIHAN yang mengandungi perbagai maklumat mengenai negara dan umat Islam yang sudah pasti amat berfaedah kepada masyarakat
- d. Suatu pakatan yang lebih rapat harus diwujudkan melalui perbincangan dan pertemuan antara negara dan orang Islam untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama.
- e. Inovasi dan teknologi yang dipindahkan dari negara asing belum dapat dimaksimakan dalam konteks kebudayaan inovasi dan teknologi di universiti-universiti tempatan yang menjadi pusat atau kota ilmu

Selain itu tujuan kajian ini juga mengenengahkan aktiviti pendidikan seperti fungsi universiti sebagai mercu sistem pendidikan, pentadbiran dan sosio –budaya nusantara yang besilang, bercampur baur dan proses asimilasi budaya ke pelusuk Nusantara. Kajian ini lebih fokus kepada membawa semula perkongsian ilmu dalam

bentuk baru iaitu pembelajaran sepanjang hayat di antara negara ASEAN dalam pelbagai bidang

1.2 Persoalan kajian

- 1) Meneroka program yang sedia ada yang menarik dan menepati keperluan penuntut - penuntut negara-ASEAN dalam menyebarkan ilmu kepada masyarakat sekitar bagi tujuan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat
- 2) Mengenal pasti rupa bentuk kerjasama dalam bidang teknikal dan peralatan dalam pembelajaran sepanjang hayat
- 3) Mengenal pasti kemungkinan hubungan antara universiti – universiti tempatan ASEAN dalam mengimarahkan pembelajaran sepanjang hayat tempatan ini dalam kalangan universiti-universiti yang sedia ada dalam Dunia Melayu Dunia Islam
- 4) Membuat pakatan yang lebih rapat harus diwujudkan melalui perbincangan dan pertemuan antara negara negara ASEAN untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama dalam inovasi pembelajaran sepanjang hayat

1.3 Kaedah Penyelidikan

Beberapa pendekatan kajian akan digunakan.

Pertama, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana questionnair digunakan bagi mendapatkan general view terhadap keperluan PSH

Kedua, kajian ini akan mengambil pendekatan ethnography sebagai metodologi kajian. Instrument yang akan digunakan adalah borang pemerhatian, catatan- catatan berhubung dengan dokument pembelajaran sepanjang hayat di setiap universiti yang disasarkan sebagai kolaborator

Antara variable bersandar yang menjadi element penting dalam kajian ini adalah:

- 1) Apakah kriteria program yang menarik dan menepati keperluan pelanggan negara-negara ASEAN?
- 2) Apakah strategi pelaksanaan yang relevan dengan infrastruktur yang sedia ada?
- 3) Apakah bidang utama yang diperlukan dalam menjana peluang pembelajaran sepanjang hayat?
- 4) Apakah bentuk sistem dan peluang dalam pembelajaran sepanjang hayat di negara-negara ASEAN?
- 5) Apakah bentuk kerjasama serantau yang telah dimeterai ke arah pembelajaran sepanjang hayat antara negara-negara serantau?

1.4 Definisi Pembelajaran Sepanjang Hayat

Mengikut UNESCO dan tokoh-tokoh pengkaji di bidang ini, pendidikan sepanjang hayat (PSH) adalah proses di mana orang dewasa secara terus – menerus memperoleh, dalam perlakuan sedar, pendidikan formal atau tidak formal sepanjang jangka masa hidupnya, sama ada bagi mengekalkan dan meningkatkan kemahiran vokasional atau untuk pembangunan personel. Shafritz, Koepe & Soper (1988).

Di tempat kerja, konsep ini merujuk kepada proses di mana pekerja mendapatkan pengetahuan/*tacit knowledge* serta melalui pengalaman bagi meningkatkan kemahiran. Mengikut Raymond A Noe (2002) PSH memerlukan individu atau pekerja memahami keseluruhan sistem kerja termasuk perhubungan di antara kerja mereka, unit kerja mereka dan organisasi.

Pekerja diharapkan memperolehi kemahiran baru, menggunakannya dalam kerja dan berkongsi maklumat (ilmu) dengan pekerja lain. Lebih kompleks lagi pekerja perlu terus belajar dan perolehi kemahiran yang berbeza dan pelbagai untuk tambah nilai diri.

Adakah pembelajaran sepanjang hayat (PSH) telah difahami dan telah terbudaya di luar tempat kerja? Untuk memberi jawapannya ciri-ciri PSH yang dapat menjana masyarakat Islam hadhari ke arah K-ekonomi harus dianalisa dan ditindak segera.

Ciri-Ciri Pembelajaran Sepanjang Hayat

Berdasarkan kepada pandangan di atas, PSH dapat disimpulkan kepada proses pembelajaran yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

1. Pembelajaran bersifat disengajakan dan sedar ianya satu proses pembelajaran yang mempunyai kurikulum dan pedagogi tersendiri. Ia bersifat formal dan bukan formal
2. Pembelajaran adalah perkara yang jelas dan tetap. Mempunyai matlamat dan diikuti untuk mencapai tujuan

3. Pelajar mengaplikasikan ilmu dipelajari mengikut perubahan dan kesesuaian masa. Ia adalah satu proses yang berterusan.
4. Membantu dalam perubahan meta kognisi. Ia membawa kepada perubahan tingkah laku kerja dari kurang mahir kepada lebih mahir. Dari satu kemahiran kepada pelbagai kemahiran; dan dari peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi.
5. Membantu kepada perubahan nilai dan sikap. Mendorong perubahan minda, falsafah , kepercayaan dan pendapat pada satu-satu perkara.

PSH dari segi konsepnya merangkumi pengertian yang begitu luas. Konsep ini merujuk kepada proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program meningkat pengetahuan, kemahiran dan kompetensi samada secara formal di sekolah, pusat latihan vokasional, atau secara tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan di tempat kerja.

Di organisasi, konsep ini merujuk kepada proses di mana pekerja mendapatkan pengetahuan/*tacit knowledge* serta melalui pengalaman bagi meningkatkan kemahiran. Mengikut Raymond A Noe (2002) PSH memerlukan pekerja memahami keseluruhan sistem kerja termasuk perhubungan di antara kerja mereka, unit kerja mereka dan organisasi.

Pekerja diharapkan memperolehi kemahiran baru, menggunakannya dalam kerja dan berkongsi maklumat dengan pekerja lain. Alwani binti Abdul Latif dan Mohd. Yusop bin Ab. Hadi (2010). Menyatakan bahawa keperluan untuk mengikuti pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pekerja industri berkemahiran teknik & vokasional

Pembelajaran sepanjang hayat adalah merupakan satu trend baru dalam dunia pendidikan di negara kita. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti

keperluan untuk mengikuti pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pekerja industri berkemahiran teknik dan vokasional. Kajian ini menfokuskan kepada keperluan untuk mengikuti pembelajaran dari aspek meningkatkan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap dalam pekerjaan.


Pengalaman yang bersifat pengetahuan seperti ini tidak akan dapat dipelajari secara bentuk yang biasa, tidak juga secara formal dan latihan. Ianya memerlukan pusingan yang berterusan mencipta, *dissemination* dan memahami erti pengkongsian ilmu. Berdasarkan kepada pandangan di atas, PSH dapat disimpulkan kepada proses seperti berikut:

- i. Proses pembelajaran seseorang secara berterusan sama ada bagi tujuan meningkat kemahiran atau membangunkan kerjaya dalam sesuatu bidang pekerjaan pada masa sekarang mahu pun pada masa hadapan; dan
- ii. Proses pembelajaran seseorang bagi meningkatkan ilmu pengetahuan tidak akan berakhir apabila seorang itu meninggalkan alam persekolahan, ianya adalah proses sepanjang hayat.

2.0 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Hubungannya Dengan Masa Hadapan

Dalam kajian Hanipah Hussin (2005), beliau menegaskan bahawa semua orang percaya terhadap konsep pembelajaran sepanjang hayat (PSH) itu satu perkara yang dituntut oleh agama dan budaya. Tidak ramai berpendapat konsep ini perlu difikirkan semula. Ada sarjana berpendapat, ia perlu dibuat refleksi dan reformasi. Ironinya banyak pula soalan yang timbul dari mereka yang tidak terlibat langsung dalam PSH. Apa nasib individu, keluarga, masyarakat yang 'ulat buku' tetapi berakhir dengan bangsa penganggur! Apa nasib graduan Malaysia yang petah berbahasa ibunda tetapi tersadai pada pukulan 'globalisasi'. Semua bidang perlu menambah input keusahawanan dan teknikal? Bagi mereka yang sedar, akan mengakui bahawa mungkin mereka belum cukup matang dalam pembudayaan ilmu, meta kognisi masih kecil dan sempit, terpaku pada satu bidang, satu minat, satu bahasa, kecil kemampuan dan tidak ada kemahiran IT dan ICT. Hanya mereka yang sedar dan bertindak sahaja akan melaksanakan PSH.




Rajah 1. Kebijaksanaan Manusia Secara Instrinsik

Rajah 1 di atas menunjukkan terdapat dua perkara penting dalam membawa manusia kepada kebijaksanaan. Keinginan hati untuk belajar, kesediaan mental untuk menerima maklumat dan menyimpannya, tanggungjawab yang dirasakan kepada kehendak dan suruhan agam dan budaya merupakan elemen instrinsik.

Elemen dalaman yang dikenali sebagai keputusan dari 'emotional intelligence' seseorang. Tanpa keputusan dalaman melalui 'mata hati' sukar sekali PSH berterusan dan mencapai tujuan ekstrinsik yang lebih bersifat perubahan tingkah laku daripada kurang mahir kepada lebih mahir. Dalam isu ini pendirian warga Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) bersetuju bahawa semua pihak perlu menjadi 'masyarakat iqra' dalam hasrat mahu membina kemampuan bangsa dari segi peningkatan penguasaan ilmu, kemahiran dan kepakaran.

PSH dianggap sebagai aktiviti intrinsik yang bernilai, suatu yang baik di dalam diri dan dianggap sebagai alat bagi mencapai matlamat ekstrinsik. Inilah sebenarnya konsep Islam Hadhari yang dituntut oleh Falsafah Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti ditunjukkan oleh Rajah 2 di bawah. Salah satu pendekatan bagi pembelajaran sepanjang hayat adalah menegaskan penekanan utamanya pada promosi kemahiran dan kompetensi. Kompetensi dalam berkomunikasi menggunakan 'multi-language' dan kompetensi dalam teknologi menggunakan 'hybrid technology' dan 'multi-skilling'. Dengan kata mudah, kebolehan dalam pelbagai persembahan spesifik dan aktiviti yang mempunyai kaitan secara langsung dengan pembangunan 'multi-based knowledge' dalam menjana K-ekonomi.




Rajah 2: Falsafah Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Islam Hadhari

3.0 REKA BENTUK KAJIAN

3.1 Rekabentuk Sokongan (Scaffold) Terhadap Proses Pembelajaran Sepanjang Hayat Yang Efektif

Pembelajaran sepanjang hayat yang efektif memerlukan input ekstrinsik dan intrinsik. Sesungguhnya, ia melibatkan keseluruhan (DAMN) *Cycle: Desire* (Keinginan) dan *Ability* (Kemampuan) untuk belajar daripada pihak pelajar, *Means* (Makna) bagi menyokong pembelajaran dan pengertian terhadap *Need* (Keperluan) bagi merangsang kesemua aspek ini.



Rajah 3: Rekabentuk Sokongan (Scaffold) Terhadap Proses Pembelajaran Sepanjang Hayat Yang Efektif

Secara keseluruhannya, pembelajaran sepanjang hayat perlu digambarkan berdasarkan rekabentuk cycle yang mempunyai ciri-ciri (DAMN) seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 3. Ini bermakna DAMN Cycle membentuk keseluruhan konsep pembelajaran sepanjang hayat yang efektif.

Keinginan

Mengapa manusia belajar? Jawabannya kerana ia melibatkan naluri, keperluan intelektual dan perkara yang mahu dicapai. Keinginan untuk belajar, kecenderungan semula jadi individu dan bergantung pada diri mereka, manusia secara naturalnya meneruskan pembelajaran kecuali dalam keadaan yang tidak mengizinkan. Perkara yang disesalkan adalah mereka yang terdedah kepada perkara yang dapat menumpulkan atau menghancurkan keinginan ini. Pengalaman pembelajaran yang positif membangunkan keyakinan diri dan ketekunan untuk belajar.

Kemampuan

Bagaimana manusia belajar? Ahli psikologi kognitif seperti Burner, Ausabel dan Piaget dari Amerika dan Naom Chomsky dari Rusia menekankan kesedaran orang yang belajar, belajar bukan sahaja menerima maklumat, tetapi menghasilkan makna daripadanya. Model yang logik berkenaan dengan peralihan dari pemusatan kepada jurulatih kepada pemusatan kepada pembelajar mempunyai implikasi penting untuk membuat teori dan strategi. Untuk berdikari dalam pembelajaran sepanjang hayat, pelajar perlu membangunkan minda yang dapat membawa mereka kepada jawapan dan penyelidikan. Pelajar perlu belajar berfikir secara kreatif dan imaginative

Makna

Rekaan infrastruktur yang baik menggalakkan perkembangan pembelajaran yang pesat di kalangan masyarakat. Kumpulan komuniti dan professional dalam organisasi mempunyai had dalam menyediakan pembelajaran sepanjang hayat di mana ia lebih banyak kepada asas tidak formal. Bagi para pelajar, mereka melihat ia sebagai minat untuk melibatkan diri dalam usaha menyediakan kemudahan pembelajaran sepanjang hayat bagi mengekalkan kualiti yang tinggi di tempat kerja.

Keperluan

Sudah menjadi keperluan mustahak untuk melakukan usaha sama dalam mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat ini. Dengan perkembangan maklumat yang semakin pesat, adalah amat perlu bagi individu mempunyai kemahiran yang membolehkan mereka untuk menyambung pembelajaran dalam hidup. *The Organization for Economic Cooperation and Development (OECD)* menekankan keperluan dalam usaha menyediakan pembelajaran berterusan

professional bagi kelayakan personel yang tinggi (OECD, 1995b) (Mohammad Azhar Abd.Hamid, 2004)

Michael J. Hatton, (2010) membicarakan tentang belajar sepanjang hayat dalam konteks perubahan teknologi, ekonomi dan posisi negara. Di masa mendatang dengan perubahan teknologi informasi yang begitu pesat masyarakat memiliki akses dan kesempatan yang luas untuk belajar sepanjang hayat.

Masyarakat menjadi masyarakat belajar. Dalam kaitan ini akan terjadi perubahan yang sangat mendasar dalam bentuk layanan pendidikan. Jika pada masa lampau layanan pendidikan dapat dimonopoli oleh pemerintah/lembaga pendidikan yang telah mapan, maka di masa depan hal tersebut tidak mungkin lagi. Di masa depan akan banyak bermunculan layanan pendidikan yang diselenggarakan oleh swasta. Teknologi informasi akan memberi kemudahan bagi masyarakat dan lembaga pendidikan untuk melakukan kegiatan belajar secara individual tanpa batas waktu dan tempat.

Pendidikan akan berubah menjadi bisnis industri, sehingga persaingan tidak lagi dapat dihindarkan. Sesuai dengan hukum ekonomi, semakin banyak permintaan dan penawaran, dan orang akan memilih layanan yang termurah dan berkualitas. Dengan menggunakan teori ekonomi yang dikembangkan oleh Tiebout penulis mencoba menganalisis fenomena tersebut di atas.

Teori Tiebout berasumsi bahwa :

a) pelanggan semakin mobil, pengetahuannya luas, dan komunikasi sangat luas. Atas dasar asumsi tersebut penulis berpandangan bahwa mobilitas masyarakat dalam belajar akan sangat semakin tinggi. Mobilitas ini tidak dalam bentuk fisik, dan ruang akan tetapi dalam bentuk akses terhadap penyedia layanan pendidikan melalui teknologi informasi,

b) masyarakat akan semakin selektif dalam memilih produk yang ditawarkan oleh penyedia layanan,

c) semakin banyak lembaga pilihan. Dalam kondisi seperti ini monopoli layanan pendidikan oleh pemerintah sudah tidak lagi dapat dipertahankan. Untuk tetap dapat survive, lembaga pendidikan, pemerintah harus merubah paradigmanya.

3.2 Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Keperluan Perkembangan Awal

Individu

Kajian dan laporan oleh Albert H. Yee dan Joseph Y.S. Cheng (2010) pula akan menghuraikan berkenaan pembelajaran sepanjang hayat di Amerika dan di Hongkong. Kedua penulis ini mengupas tentang fenomena belajar sepanjang hayat yang terjadi di Amerika dan Hongkong. Aspek psikologis dan cultural dijadikan asas perbincangan dalam analisisnya. Kedua faktor tersebut dipandang sebagai bahagian yang tidak terpisah dari proses belajar sepanjang hayat. Proses pertumbuhan dan pengasuhan berhubungan dengan perkembangan manusia, dan hal itu terjadi dalam dan dipengaruhi oleh lingkungan sosial budaya.

Teori perkembangan yang dijadikan dasar analisisnya adalah teori Eric Erikson (1963). Dari lapan tahap perkembangan Erikson, hanya tiga tahap yang digunakan sebagai asas untuk menganalisis belajar sepanjang hayat, yaitu tahap awal, adolesen dan masa tua. Pada tahap awal kemungkinan perkembangan yang terjadi adalah percaya dan tidak percaya. Perkembangan ini sangat ditentukan oleh proses belajar dalam keluarga. Pada tahap adolesen, perkembangan individu akan mengarah ke penemuan identitas diri atau kebingungan peranananan. Pada tahap ini keluarga dan sekolah memiliki peranananan penting.

Pola asuh dalam keluarga, seperti harapan karier, kesuksesan, aspirasi pendidikan akan sangat berpengaruh terhadap proses perkembangan tersebut. Dalam hal ini remaja di Hongkong relative tidak mengalami kesulitan jika dibandingkan remaja di Amerika. Di Hongkong lembaga keluarga mempunyai tanggung jawab penuh terhadap masa depan anaknya, oleh karena itu menaruh harapan tinggi terhadap pendidikan anaknya, dan ikut menentukan proses pendidikannya. Sementara itu

sekolah hanya memiliki jalur linier dan tidak memberi pilihan. Berbeda dengan di Hongkong, keluarga lebih memberi kebebasan pada anaknya untuk memilih dan menentukan masa depannya sendiri, dan system pendidikannya lebih memberi pilihan pengembangan karier. Pada tahap akhir, perkembangan akan mengarah pada kepuasan atau kekecewaan diri. Pada tahap ini lembaga keluarga dan masyarakat memiliki peranananan penting dalam membantu perkembangan individu.

Lebih lanjut penulis mengemukakan bahwa teori perkembangan Erikson ini sangat membantu dalam mengantisipasi dan menyiapkan perkembangan sepanjang rentang kehidupan individu. Dalam aspek cultural, agama kong Hu Cu dipandang memiliki pengaruh yang sangat dalam terhadap perilaku dan pendidikan masyarakat di Hongkong. Agama ini memiliki filosofi bahwa kebijaksanaan dan pengetahuan dapat dimiliki oleh semua orang yang mau mencarinya. Oleh karena itu individu harus belajar menjadi manusiawi melalui belajar sepanjang hayat, refleksi, disiplin dan kerendahan hati.

Dalam tulisan kuno, seorang ilmuwan Kong Hu Cu mengatakan bahwa tujuan belajar adalah mengembangkan pengetahuan diri, membantu orang lain mengaktualisasikan diri, dan berjuang untuk keunggulan moral. Pentingnya pendidikan dalam ajaran Kong Hu Cu diilustrasikan bahwa Khong Hu Cu sebagai guru dengan wajah tegang, membawa tongkat untuk menghardik murid yang malas. Selain memberi ajaran bahwa setiap orang memiliki potensi untuk belajar dan tanggung jawab untuk belajar, serta meningkatkan kehidupan moral sepanjang kehidupan, Konfusius juga menekankan pentingnya keperluan pengembangan diri. Konfusius selanjutnya menekankan pentingnya pendidikan moral untuk mencapai keharmonian kehidupan masyarakat. Keluarga sebagai bagian system sosial masyarakat memiliki peranananan penting dalam menanamkan nilai-nilai moral, seperti loyalitas, kepatuhan, kasih sayang, tanggungjawab, persaudaraan. Sampai saat ini nilai dan peranananan tersebut masih kuat dipegang oleh masyarakat Hongkong.

3.3 Konsep PSH Dalam Rancangan Pembangunan Negara

Menjelang Abad Ke-21 masyarakat antarabangsa lebih prihatin berbanding pada abad sebelumnya untuk meningkatkan ilmu pengetahuan melalui konsep PSH. Mengikut kajian UNESCO kemajuan dan kemakmuran yang dicapai oleh negara-negara membangun (Amerika Utara, Eropah dan Jepun) adalah hasil perancangan strategik pembangunan sumber manusia di mana seluruh anggota masyarakatnya mendapatkan peluang pendidikan terbuka dan pembelajaran sepanjang hayat.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui UNESCO mulai pertengahan tahun 1990an telah melancarkan program bagi meningkatkan kesedaran pentingnya PSM di kalangan negara-negara yang sedang membangun. Pandangan PBB ini adalah berdasarkan kepada kertas dasar yang disediakan oleh "Suruhanjaya Antarabangsa Mengenai Pendidikan Bagi Abad Ke -21" bertajuk "*Learning: The Treasure Within.*" Intisari kepada laporan tersebut mencerminkan bahawa PSH menjadi kunci kepada pembangunan sumber manusia dalam Abad Ke-21.

Menyedari PSH menjadi penting bagi memastikan kekayaan dan kemakmuran sesebuah negara, Kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan proaktif dengan mengubal dasar di mana PSH menjadi teras utama dalam perancangan pembangunan negara. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tempoh 2001 – 2010 dan Dasar Wawasan Negara (DWN) adalah merupakan rangka pembangunan negara jangka panjang bagi menghadapi cabaran globalisasi, liberalisasi ekonomi dan persekitaran ekonomi berasaskan pengetahuan.

Y.A.B. Perdana Menteri dalam ucapan di Parlimen pada 23 April 2001 telah memberikan penekanan di mana dalam RMK-8 akan dapat menyediakan asas pembangunan sumber manusia untuk menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan serta mempertingkatkan produktiviti dan daya saing. Dasar melaksanakan konsep PSH adalah bagi mencapai matlamat berikut:-

- i. Menjadikan teras dalam membangunkan sumber manusia dalam tempoh pelan perancangan pembangunan lima tahun negara;
- ii. Menyediakan asas bagi melahirkan masyarakat yang menjadikan

- ilmu pengetahuan sebagai satu budaya serta merealisasikan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju; dan
- iii. Memberikan galakan PSH dengan menyediakan kemudahan menguasai ilmu pengetahuan dan meningkatkan asas kemahiran walaupun selepas tamat pendidikan dan latihan formal.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Best Practices dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat

Konsep PSH bukan sahaja menjadi agenda penting, malahan telah menukar cara berfikir masyarakat khususnya golongan muda yang baru keluar dari pusat pengajian tinggi. Di Jepun misalnya, persepsi mengenai pentingnya PSH telah mewujudkan satu fenomena baru yang dikenali sebagai “*employability fever*”. Golongan mudanya bersikap agresif untuk memiliki kelulusan dalam beberapa bidang pengajian dan latihan bagi menjamin mereka mendapatkan lebih peluang pekerjaan yang mereka minati. Manakala di beberapa negara, konsep PSH telah dilaksanakan dengan jayanya melalui beberapa pendekatan.

Orentasi ilmu dalam pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia telah bermula sejak Kementerian Luar Bandar 1963 dan DEB membuat kempen sekolah untuk orang dewasa bagi menangani taraf buta huruf yang tinggi dalam kalangan masyarakat luar Bandar. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010 (RRJP3) pula, pihak kerajaan menekankan dua pendekatan utama. Pertama, ia meneruskan pendekatan dan falsafah pembangunan negara sebelum ini, iaitu pembangunan dengan pengagihan. Ini adalah asas kejayaan formula Malaysia selama ini dalam mencapai pembangunan yang seimbang bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu dan saksama.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), kerjasama yang dipupuk dengan komuniti antarabangsa mengukuhkan kerjasama peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala. Kerjasama antarabangsa adalah penting memandangkan Malaysia merupakan negara ekonomi terbuka dan negara perdagangan yang ke-18 terbesar di dunia. Malaysia juga menyokong kerjasama peringkat pelbagai hala bagi mempelopori keamanan dan pembangunan antarabangsa dan juga mempromosi secara aktif kerjasama Selatan-Selatan melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM).

Malaysia akan terus mempergiat usaha untuk memperkukuh kerjasama antarabangsa ke arah pembentukan dasar dan strategi yang sesuai bagi membolehkan negara membangun menerima manfaat globalisasi dengan lebih saksama. Dalam

tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), inisiatif akan diambil bagi meningkatkan kerjasama serantau dan kerjasama dengan rakan pembangunan ke arah memperluas hubungan global negara. Bagi memperkukuh lagi PKTM, strategi baru akan diambil untuk meningkat kerjasama dengan sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Di samping terus menumpu kepada pembinaan modal insan dengan kerjasama negara membangun lain, PKTM juga akan menyokong inisiatif bagi memajukan lagi hubungan dua hala.

4.2 Best Practices dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat: Kemajuan PSH Di Malaysia 2001-2015

Dalam tempoh RMKe-8, Malaysia bekerjasama dengan rakan pembangunan dua hala, pelbagai hala dan serantau untuk menangani beberapa isu peringkat serantau dan global yang mempengaruhi pembangunannya serta menyokong kerjasama Selatan-Selatan menerusi perkongsian pengalaman pembangunan. Penekanan khusus diberi kepada pembangunan modal insan dan peningkatan keupayaan institusi ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Milenium (MDG).

Usaha diambil untuk memperkukuh hubungan politik dan ekonomi selaras dengan dasar luar negara Malaysia, terutamanya dalam kumpulan serantau seperti Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) serta kumpulan seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Kedua, ialah pendekatan menyediakan dan mempersiapkan rakyat untuk membina sebuah negara yang berdaya tahan dan mampu bersaing di pasaran dunia. Ini pula adalah asas bagi mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam zaman baru yang semakin mencabar ini.

Umumnya, ramai yang yakin dengan falsafah pembangunan baru kerana ia masih berasaskan falsafah yang asal dan proses penggubalannya juga mengekalkan proses musyawarah seperti melalui Mapen II, maka RRJP3 akan mencapai kejayaan.

Pada masa yang sama, di samping menggabungkan strategi utama Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat, serta Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang menekankan pembangunan seimbang, Dasar Wawasan Negara (DWN), iaitu asas bagi penggabalan RRJP3, yang menumpukan untuk meningkatkan keutuhan dan daya saing negara turut mengandungi beberapa dimensi baru. Dimensi baru yang paling ketara ialah persoalan menyediakan rakyat yang berbudaya ilmu bagi menghadapi cabaran K-ekonomi.

Tiga dimensi yang memberi penekanan kepada ilmu itu ialah membangunkan masyarakat yang berasaskan ilmu; menjadikan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan lebih dinamik dengan mempelbagaikan serta meningkatkan penerapan ilmu; dan, mengubah pembangunan sumber manusia bagi menyokong pembentukan masyarakat yang berasaskan ilmu.

Persoalan ilmu ini dibincangkan secara lebih khusus ketika merujuk unjuran dan perancangan RRJP3 mengenai pendidikan, latihan dan latihan-semula, terutamanya tentang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Ini selaras dan bertepatan dengan tahap kemasukan negara ke dalam zaman k-ekonomi, iaitu negara kini berada dalam tahap transformasi daripada p-ekonomi (ekonomi berasaskan pengeluaran) kepada K-ekonomi sepenuhnya.

Untuk berjaya melalui transformasi ini, menurut perbincangan yang diterajui Institut Kajian Strategik Antarabangsa (ISIS), tiga strategi perlu dilakukan, iaitu menambahkan intensiti ilmu dalam program yang sedia ada; menganjurkan program ilmu yang baru; dan, meningkatkan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mendapatkan penemuan-penemuan baru.

Adalah diharapkan tiga prinsip utama masyarakat berbudaya ilmu akan dapat diwujudkan, iaitu meletakkan ilmu dan ilmuan di tempatnya yang paling tinggi; setiap orang sentiasa menuntut ilmu dan menyumbang terhadap pengembangan ilmu; dan setiap keputusan dan tindakan adalah berlandaskan ilmu.

Persoalan ilmu yang dikupas secara begitu komprehensif dalam RRJP3 amat penting untuk dihayati dan diamalkan, terutamanya oleh para belia. Ini adalah kerana ilmu adalah faktor pembangunan yang paling penting dalam zaman revolusi

perindustrian baru kini yang dipanggil zaman K-ekonomi. Belia Malaysia mesti menguasai ilmu yang terkini dan lengkap dengan kemahiran yang paling tinggi.

Daripada tujuh bab dalam buku RRJP3, terdapat satu bab, iaitu bab 5, yang dikhususkan untuk membangunkan Malaysia menjadi ekonomi yang berasaskan ilmu. Bab ini memberikan dua rasional bagi K-ekonomi, iaitu untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan mapan; dan untuk mengekalkan daya saing.

Dalam konteks ini, sembilan teras utama pelan pembangunan berasaskan ilmu dikenal pasti, iaitu:

- * Membina tenaga kerja berasaskan ilmu melalui kajian terhadap sistem pendidikan dan latihan, pembelajaran sepanjang hayat dan menarik pakar dari luar negara.
- * Mempergiatkan daya usaha dalam sains dan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan bagi mengukuhkan inovasi.
- * Mempercepatkan pembangunan infrastruktur maklumat.
- * Menyusun semula sistem kewangan untuk menyediakan pembiayaan sesuai bagi aktiviti berasaskan ilmu, menyediakan alat pengurusan ekonomi makro dan mampu berhadapan dengan cabaran K-ekonomi.
- * Meningkatkan kandungan ilmu dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan.
- * Mendorong sektor swasta bersedia menghadapi K-ekonomi serta mengenal pasti dan memanfaatkan peluang-peluang.
- * Merubah sektor awam supaya lebih cekap.
- * Memupuk penggunaan ilmu secara beretika.
- * Merapatkan jurang digital antara kumpulan pendapatan, etnik, umur, bandar dan luar bandar dan antara wilayah.

Bagaimanapun, definisi pengetahuan, iaitu maklumat yang ditafsir dan digunakan oleh pembuat keputusan untuk mencapai matlamat mereka dan pembahagiannya kepada pengetahuan mengenai teknologi dan pengetahuan hakiki atau daripada pengalaman.

Satu kajian PSH peringkat local telah dibuat oleh Hanipah Hussin (2005) dan (2011). Kajian ini telah mengambil Pemimpin kampung yang terdiri dari Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di Luar bandar (JKKK) sebagai respondent dan cohort kajian.

Contoh Kajian yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kepekaan masyarakat terhadap 'Generic skills' di atas adalah di kalangan Datuk Sidang dan Datuk penghulu di seluruh Negeri Melaka yang bertajuk 'Membangunkan Daya Kepimpinan di kalangan Datuk Sidang dan Datuk Penghulu Negeri Melaka melalui teknik Refleksi', oleh Prof.Madya Dr. Hanipah Hussin dari Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia , (Hanipah :2004)

Penyataan masalah adalah berfokus kepada situasi di Negeri Melaka dalam Agenda Sosial Alaf Baru, Generic skills yang diaplikasikan adalah berformat dan melalui alat senarai semak seperti di bawah ini.

- | | | |
|---------------------------|---|--|
| Tajuk kajian | - | Membangunkan Kemahiran Generik di Kalangan Pemimpin Kampung |
| Permasalahan dilaksanakan | - | Pemimpin kurang faham cara efektif program social. |
| Reka bentuk kajian | - | Developmental Research |
| Sasaran | - | Datuk Penghulu dan Sidang Kampung (124 orang) |
| Alat Kajian | - | Penulisan Refleksi Berformat, check list, interview |
| Alat Analisis Data | - | Content Analysis |
| Sgnifikan Kajian | - | Memberi komponen kemahiran generic dalam membangunkan ciri-ciri kepimpinan |
| Stem Soalan | - | |

Sebagai pemimpin tempatan anda sentiasa bimbang terhadap isu kampung yang panas seperti projek belia tempatan yang tidak dapat sambutan, remaja melencong ke rumah-rumah kedai untuk 'video game' , yang mengganggu tidak berkemahiran, ada belia yang tercicir dan menagih, ada kes rendah moral di kalangan orang tua dan pelbagai masalah social yang perlu ditangani secara bijaksana. Dengan format refleksi di bawah cuba tulis dengan ayat mudah untuk menggambarkan tingkahlaku kepimpinan anda semasa

memulakan dan menjayakan sesuatu kempin (starting campaign) atau program pembaikan di kampung anda.

1. Namakan Program dan matlamat apa yang hendak dicapai?
2. Siapakah sasaran kempin/program?
3. Peringkat pelaksanaan negeri/kebangsaan?
4. Bagaimana cara hendak libatkan sasaran dalam membuat keputusan terhadap bagaimana pengisian program dan bagaimana ianya hendak dilaksanakan?
5. Siapakah orang yang anda ingin jemput pada perjumpaan mesyuarat kali pertama? JKK?, Exco?, Pegawai Kanan Kerajaan? CEO? Ketua Menteri? Jelaskan Mengapa?
6. Cuba gariskan agenda meeting tersebut. Apakah messages penting yang mesti dinyatakan. Bagaimana menenangkan keadaan dan orang –orang yang datang ke mesyuarat tidak terbiar?
7. Adakah anda menjemput pihak media? Jika ya, bagaimana anda laksanakan?
8. Siapalagi yang anda akan jemput untuk tarik perhatian dalam campaign /program anda?
9. Bagaimana mencari tempat mesyuarat? Bagaimana jika ruang perlu dibayar? Kudapan pagi, minum petang, ?
10. Bagaimana anda mencari budget campaign?
11. Bagaimana anda pasti kempin atau program berjalan seperti dirancang dan dapat mencapai matlamatnya?
12. Bagaimana anda melaporkan dan mendokumentkan kempin yang telah selesai dan di mana patut folio itu di simpan?

Satu lagi dapatan kajian terhadap persoalan pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia adalah tulisan dan laporan kajian oleh Yip Kai Leong (2010) . Belajar sepanjang hayat dan visi 2020 Malaysia (2012).

Laporan kajian beliau mengupas tentang system pendidikan di Malaysia dan perubahan yang dilakukan dalam rangka menjawab tantangan yang ada. Pada awal tulisannya dijelaskan tentang visi Malaysia, yaitu sebagai Negara yang sudah berkembang penuh ekonominya sebelum tahun 2020 “ FULLY DEVELOPED ECONOMY”. Pengembangan tersebut akan dikembangkan atas dasar karakter bangsa Malaysia, bukan meniru pola yang dikembangkan oleh bangsa lain. Dalam rangka mencapai visi tersebut pendidikan dipandang sebagai alat utama. Ada tiga keperluan di bidang pendidikan yaitu :

- a). Peningkatan pendidikan tinggi dalam bidang sains, matematika, bahasa, dan pendidikan teknikal dan kejuruteraan
- b). Pengurusan dan Keusahawanan
- c). Peningkatan kemampuan tenaga kerja di bidang teknikal dan kejuruteraan.

Sebagai upaya untuk menjawab keperluan di atas, maka dilakukan perubahan pendidikan asas dan menengah serta pengajian tinggi. Dalam pendidikan asas dan menengah, Malaysia telah mengubah visi pendidikannya, dari pendidikan untuk semua kepada pendidikan bermutu untuk semua. Visi ini mengandung dua ide dasar pokok, yaitu

- a). pendidikan dasar tidak lagi diarahkan pada pengembangan kemampuan baca, tulis, hitung, tetapi pada pengembangan kemampuan berpikir kritis.
- b). Pendidikan diarahkan pada pengembangan diri peserta didik secara mampan. Visi ini kemudian terjemahkan ke dalam tiga peringkat. .

Pertama, pengembangan falsafah dalam bentuk panduan pelaksanaan dan pendidikan secara terpadu dalam semua system pendidikan. Pada jenjang pendidikan tinggi, Malaysia mengambil langkah yang sangat radikal, yaitu menjadikan Malaysia sebagai pusat keunggulan pendidikan dikawasan regional.

Kebijakan yang ditempuh adalah industrialisasi pendidikan tinggi. Pembukaan cabang perguruan tinggi asing dengan kerjasama universiti tempatan dan perusahaan, pendirian perguruan tinggi swasta, peningkatan bantuan belajar bagi kelompok tidak beruntung, penyelenggaraan pendidikan jarak jauh dan pendirian otonomi penuh pada perguruan tinggi. Berbeda dengan pendidikan formal yang

mendapat perhatian besar, pendidikan non formal relative tidak berkembang sepesat pendidikan formal. Pendidikan non formal tidak merupakan bagian integral dari system pendidikan formal, akan tetapi hanya sebagai komplemen. Pendidikan non formal tidak diurus oleh kementrian pendidikan, tetapi dikelola oleh lembaga pemerintah secara departemantal, lembaga swasta dan masyarakat. Modul Programnya meliputi pengembangan kehidupan sosial, personal dan vokasional serta masyarakat.

4.2 Best Practices dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat: Republik

Singapura

Kerajaan Singapura pada Mac 2000 telah melancarkan *Singapore Learning Movement* untuk memberikan pengiktirafan dan menggalakan konsep PSH sebagai cara hidup. PSH adalah merupakan program di bawah *School of Lifelong Learning* (SOLL) iaitu salah satu pelan tindakan di bawah *Singapore Manpower 21* yang merupakan *blueprint* membangunkan gunatenaga di Singapura untuk bersaing dalam perubahan persekitaran global pada Abad ke-21. SOLL merupakan sistem bagi memudahkan PSH dengan mengadakan dua program iaitu Program Penukaran Strategik Sumber Manusia dan Sistem Pengiktirafan kemahiran.

Kementerian Sumber Manusia Singapura (MOM) pula dengan kerjasama komuniti dan sektor swasta telah melancarkan program *Singapore Learning Festival* dengan tema bagi tahun 2000 bertajuk "*Learning for Living*". Tujuan pesta pembelajaran tersebut adalah:

- i. Meningkatkan kesedaran kepentingan PSH kepada setiap individu untuk membina kehidupan yang lebih sempurna dan selesa;
- ii. Memberikan galakan dan faedah oleh masyarakat sama ada pada peringkat profesional atau personel; dan
- iii. Membuka minda rakyatnya dengan pandangan yang lebih terbuka melalui aktiviti berkaitan dengan pembelajaran bagi tujuan:-
 - a) pentingnya PSH bagi mengekalkan sesuatu pekerjaan;
 - b) pembangunan sendiri; dan
 - c) merupakan aktiviti yang menyeronokkan.

Kerajaan Singapura juga telah menubuhkan Tabung PSH. Tabung ini telah diperuntukan sebanyak S\$500 million bagi tahun 2000 dan akan memberikan faedah kepada para pekerja yang memerlukan bantuan. Antara sasaran tabung ini adalah:

- i. Pekerja yang hendak meningkatkan kemahiran tetapi tidak mempunyai keupayaan kewangan;
- ii. Pekerja yang ingin meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan

- mengekalkan pekerjaan mereka,;
- iii. Membuka peluang terbaik kepada para pekerja dan masyarakat mendapatkan pendidikan berterusan; dan
 - iv. Memberikan sokongan dan bantuan ke atas inisiatif secara berkumpulan bagi meningkatkan kemahiran.

Kajian yang di tulis oleh Daphen Yuen Pan, (2010), memaparkan tentang faktor-faktor yang diperlukan untuk mewujudkan belajar sepanjang hayat, gambaran implementasinya di Singapura dan kemungkinan aplikasinya di Negara anggota APEC. Menurut penulis ada empat faktor pokok yang diperlukan bagi perwujudan belajar sepanjang hayat. Keempat faktor tersebut adalah keinginan, kemampuan, alat, dan keperluan.

Keempat faktor tersebut merupakan satu kesatuan

a) Keinginan. Mengapa seseorang belajar? Ada dua kemungkinan mengapa seseorang ingin belajar, yaitu karena dipaksa oleh lingkungan atau keinginan dari diri sendiri. Jika yang pertama maka tidak akan dapat menumbuhkan keinginan belajar secara berkelanjutan. Berbeda dengan yang pertama, pada kemungkinan yang kedua, individu akan menentukan kapan, apa, bagaimana proses belajar dilaksanakan.

b) Kemampuan. Kemampuan ini berkaitan dengan bagaimana seseorang belajar? Pada umumnya cara yang digunakan seseorang dalam proses pendidikan adalah dengan mengakumulasi informasi, memorisasi. Cara seperti ini nampaknya sudah tidak sesuai lagi. Perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi berlangsung begitu cepat, sehingga segala sesuatunya cepat usang. Dalam kondisi seperti ini, individu dituntut untuk memiliki kemampuan berfikir tinggi, yang memungkinkan mereka mengavalusi, menganalisis, mensintesis dan mengaplikasikan pengetahuan untuk pemecahan masalah. Individu harus belajar berfikir secara kreatif, kritis, dan independent.

c) Alat. Untuk mendukung proses belajar sepanjang hayat diperlukan alat yang memungkinkan individu memperoleh akses dan kesempatan belajar kapan saja dan dimana saja. Alat tersebut berupa peranan angkat keras dan lunak. Termasuk dalam

perananangkat keras adalah system penyampaian seperti internet, CD room, video, dll. Sementara itu perananangkat lunak adalah program-program pembelajaran.

<p>2. Untuk memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi., maka kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat serta hak sebagai warganegara harus dilindungi undang-undang.</p> <p>Merancang, melaksana, memantau dan menilai program-program dan aktiviti-aktiviti social negeri.</p> <p>Mengadakan program dan kerjasama pintar antara pihak-pihak berikut:</p> <p>Keluarga dengan Intitusi, Intitusi dengan NGO, NGO dengan Agensi Kerajaan, Agensi Kerajaan dengan Pihak Swasta, IPTA/IPTS dengan NGO,</p> <p>Orang persendirian dengan Organisasi, dan apa sahaja cara yang relevant dengan objektif berikut</p> <p>3. untuk membangunkan dan memperkasakan insan sepanjang hayat maka setiap individu yang menjagkau 18+ tahun ke atas, dan berdikari dalam bidang tertentu, mesti diberi sokongan,bimbingan dan kemahiran</p>	<p>2. Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi</p> <p>3. Membangunkan dan memperkasakan insan sepanjang hayat</p>	<p>Negara dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Sosial Negara di Peringkat Persekutuan</p> <p>Majlis Pembangunan Negeri. Jawatankuasa Pembangunan Negeridan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah di Peringkat Negeri</p> <p>Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bertindak sebagai Urussetia</p> <p>Pejabat Pembangunan Wanita Negeri , Jabatan Kebajikan Masyarakat Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga JAIM, JAIS -contoh Pihak Berkuasa Tempatan</p>
--	---	--

<p>tertentu.</p> <p>4. untuk memperkukuhkan dan membangunkan sistem sokongan sosial dan perkhidmatan social, maka satu Penilaian Impak Sosial atau Social Impact Assesment (SIA) mesti dibina berdasarkan budaya dan aspirasi rakyat Malaysiadan diguna pakai dalam perancangan dan pelaksanaan semua program dan aktiviti pembangunan awam dan swasta.</p> <p>5. untuk menjana sinergi multisektor, ISM atau Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga dan Masyarakat perlu membuat aktiviti '<i>research Cluster</i>' di semua peringkat.</p> <p>Peringkat Persekutuan</p> <p>Peringkat Negeri</p> <p>Peringkat Daerah</p> <p>Peringkat Mukim,</p> <p>Peringkat Kampung</p> <p>Peringkat Komuniti</p> <p>Sektor Swasta,</p> <p>Sektor awam</p> <p>Sektor Sukarela</p>	<p>4. Memperkukuhkan dan membangunkan sistem sokongan sosial dan perkhidmatan social</p> <p>5. Menjana sinergi multisektor dngan menggalakkan '<i>research cluster</i>' antara semua peringkat</p>	<p>Putri UMNO</p> <p>IPTA/IPTS</p> <p>Jabatan Kebajikan Masyarakat</p> <p>NGO-Wanita</p> <p>PEMBELA-Melaka</p>
<p>6. Mengeluarkan bantuan mengatasi kemiskinan</p>	<p>6. Menjadi pusat setempat '<i>rapid assistanace</i>'</p> <p>menangani kes-kes individu, keluarga bermasalah, kemiskinan</p>	<p>PEMBELA-Negeri Melaka,</p>

<p>7. Menyalurkan Bantuan</p> <p>Bantuan Am</p> <p>Bantuan Persekolahan</p> <p>Bantuan Bencana Alam</p> <p>Bantuan Geran Plancaran</p> <p>Bantuan Perubatan</p>	<p>7. Menyalurkan Bantuan dari masa ke semasa</p>	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat</p>
<p>8. Melaporkan kesalahan syariah di kalangan penganut Islam</p> <p>mengadakan kaunseling individu, kaunseling kelompok</p> <p>kaunseling keluarga</p> <p>kaunseling pasangan suami isteri</p> <p>parenting skill dan keterampilan keibubapaan</p> <p>mengadakan operasi pencegahan</p>	<p>Membuat kajian menyeluruh terhadap kesalahan syariah yang dilakukan dan membuat afermatif action plan yang dapat menangani masalah yang timbul di kalangan penganut agama Islam</p> <p>Menggubal undang-undang keluarga dan syariah supaya sesuai dengan kes yang timbul</p>	<p>Jabatan Agama Islam Melaka</p> <p>Mahkamah Syariah Negeri</p>

Subtema 10 (Pembelajaran Sepanjang Hayat)

Tindakan Jangka Pendek	Tindakan Jangka Panjang	Organisasi Pelaksana
<p>JPA membentuk pelan sektoral untuk mewujudkan persekitaran K-ekonomi di kalangan sumber manusia di sektor awam seperti berikut:</p>	<p>Dasar Baru Pembelajaran Sepanjang Hayat 2001-2010</p> <p>1. Menyediakan dan memberi</p>	<p>Dasar Wawasan Negara</p> <p>Jabatan Perkhidmatan Awam</p> <p>JPA</p>

<p>1. Menggubal dan menerima dasar pendidikan dan PSH dalam konteks Wawasan 2020 dan K-ekonomi</p> <p>2. Melancarkan Kempen Kebangsaan mengenai kepentingan pendidikan PSH</p> <p>3. Menanamkan falsafah pendidikan dan PSH di semua dasar utama negara</p> <p>4. Mengadakan kerjasama antara kerajaan, industri dan mereka yang terlibat dalam latihan dan pendidikan</p> <p>5. Menggubal polisi bagi menggalakkan penggunaan sekolah, Kolej Universiti, Kolej Komuniti, Kolej City, masjid, dewan orang ramai, JAPERUN, bangunan awam dan persendirian bagi lokasi program PSH</p> <p>6. Melancarkan National Lifelong Learning Helpline Dedicated Centre yang ditempatkan di Kementerian Sumber Manusia</p> <p>7. Menggalakkan penggunaan pelbagai teknologi dalam pembelajaran, khususnya ICT dan pembelajaran jarak jauh</p> <p>8. Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan R&D dalam pendidikan dewasa dan PSH</p>	<p>galakan dan latihan dalam teknologi tinggi dengan memberikan penekanan kepada multi-skilling</p> <p>2. Membangunkan latihan yang berinovasi bagi memenuhi keperluan pengkhususan dalam industri</p> <p>3. Membangunkan latihan berasaskan komputer</p> <p>4. Meningkatkan kemahiran serta latihan semula berterusan kepada pekerja</p> <p>5. Mewujudkan Skim Pinjaman Bagi Pembangunan Kerjaya kepada pekerja yang berumur bagi tujuan meningkatkan kelulusan mereka</p> <p>6. Melaksanakan Program e-latihan di semua [peringkat negeri dan daerah.</p>	<p>Kementerian Pendidikan</p> <p>Bahagian Pendidikan Guru</p> <p>Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan</p> <p>Pusat Perkembangan Kurikulum</p> <p>Kementerian Pengajian Tinggi</p> <p>Maktab – Maktab Perguaruan</p> <p>Kolej Universiti</p> <p>Universiti Primer</p> <p>IPTA/IPTS</p> <p>Sekolah</p> <p>Masjid Negeri dan Daerah</p> <p>Balai Raya dan Pusat Tanggung Jawab</p> <p>Kementerian Sumber Manusia</p> <p>NGO</p> <p>Dan pihak persendirian</p>

Cadangan 6: Menyediakan Pelan Insentif

Memberikan pengiktirafan dan ganjaran yang sesuai kepada warga JPA yang berjaya mendapatkan kelulusan dan kemahiran melalui PSH; dan

Cadangan 7: Kajian semula fungsi dan struktur Organisasi JPA

Mengkaji semula fungsi Bahagian Latihan dan Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan JPA supaya dapat memainkan peranan yang lebih bersepadu dan berkesan dalam melaksanakan PSH kepada warga JPA.

Mengikut UNESCO kemajuan dan kemakmuran yang dicapai oleh negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun adalah hasil dari perancangan strategik pembangunan sumber manusia di mana seluruh anggota masyarakatnya mendapat peluang pendidikan terbuka dan mengamalkan PSH. Manakala mengikut Doughlas Holmes (2001) *“It seems that lifelong learning is fast becoming an imperative for all in the New Economy. Not a luxury. Not an option. But a survival strategy.”*

Justeru itu, dasar melaksanakan konsep PSH dalam pengurusan sumber manusia perlu diambil tindakan segera oleh JPA sebagai *role-model* kepada keseluruhan perkhidmatan awam. Cadangan-cadangan di atas sekiranya dapat direalisasikan akan dapat memastikan perkhidmatan awam melaksanakan dasar yang telah digariskan dalam pembangunan negara dalam Abad ke 21, maju dan makmur dalam persekitaran global berubah dengan pantas dan tidak menentu.

Falsafah PSH berdasarkan fitrah manusia yang ingin mengetahui dan belajar untuk tujuan memperbaiki diri. Fitrah manusia ini memenuhi tuntutan keperluan individu dan guna tenaga kepada keperluan negara. Dari sudut sosialisasi, PSH memungkinkan peluang untuk kesaksamaan sosial.

Malaysia telah menyediakan satu strategi ke arah meningkatkan PSH. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) telah memberi penekanan kepada penggalakan PSH dan menyediakan kemudahan menguasai ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran selepas pembelajaran formal atau semasa dalam perkhidmatan.

Dalam hal ini, KPT telah memastikan bahawa kesemua aspek ini ditangani dalam Pelan Transformasi Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) melalui tujuh Teras Strategik yang digariskan untuk mencapai kecemerlangan pengajian tinggi negara, iaitu:

Teras 1 : Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti

Teras 2 : Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran

Teras 3 : Memperteguh penyelidikan dan inovasi

Teras 4 : Memperkasakan Institusi Pengajian Tinggi

Teras 5 : Mempergiat pengantarabangsaan

Teras 6 : Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat

Teras 7 : Mengukuh system penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi

Sistem pengukuran atau penarafan dari The Higher Education –Quality Survey (THE-QS) adalah petunjuk prestasi institusi pengajian dunia. Sistem ini menggunakan enam kriteria atau petunjuk prestasi institusi. Masing masing dengan pemberat sendiri.

Ulasan rakan kesepakaran (40%)

Ulasan Majlis (10%)

Nisbah pelajar –fakulti (20%)

Bilangan citation setiap fakulti (20%)

Fakulti antarabangsa dan pelajar antarabangsa

Jadual 2 di bawah ini menunjukkan Kedudukan IPTA Malaysia antara Universiti di Asia Tenggara.

Kedudukan	Nama Universiti	Kedudukan THE -QS
1	National University Singapore	30
2	Nanyang Technical University Singapore	77
3	Chulalongkon University	166
4	UM	230
5	UKM	250
6	Mahidol University	251
7	Ateneo de Manila University	254
8	University of Philippines	276
9	University of Indonesia	287
10	USM	313
11	Bandung Institut of Technical	315
12	University of Gajah Mada	316
13	UPM	320
14	UTM	356
15	Kasetsart University, Thailand	400

Konferensi Tingkat Tinggi ASEAN			
	Tanggal	Negara	Tuan rumah
1	23–24 Februari 1976	<u>Indonesia</u>	<u>Bali</u>
2	4–5 Agustus 1977	<u>Malaysia</u>	<u>Kuala Lumpur</u>
3	14–15 Desember 1987	<u>Filipina</u>	<u>Manila</u>

4	27–29 Januari 1992	<u>Singapura</u>	<u>Singapura</u>
5	14–15 Desember 1995	<u>Thailand</u>	<u>Bangkok</u>
6	15–16 Desember 1998	<u>Vietnam</u>	<u>Hanoi</u>
7	5–6 November 2001	<u>Brunei</u>	<u>Bandar Seri Begawan</u>
8	4–5 November 2002	<u>Kamboja</u>	<u>Phnom Penh</u>
9	7–8 Oktober 2003	<u>Indonesia</u>	<u>Bali</u>
10	29–30 November 2004	<u>Laos</u>	<u>Vientiane</u>
11	12–14 Desember 2005	<u>Malaysia</u>	<u>Kuala Lumpur</u>
12	11–14 Januari 2007 ^{1,2}	<u>Filipina</u>	<u>Cebu</u>
13	18–22 November 2007	<u>Singapura</u>	<u>Singapura</u>
14	27 Februari-1 Maret 2009 ^[13]	<u>Thailand</u>	<u>Cha Am, Hua Hin</u>
15	23 Oktober 2009	<u>Thailand</u>	<u>Cha Am, Hua Hin</u>
16	8-9 April 2010	<u>Vietnam</u>	<u>Hanoi</u>
17	28-30 Oktober 2010	<u>Vietnam</u>	<u>Hanoi</u>
18	4-8 Mei 2011	<u>Indonesia</u>	<u>Jakarta</u>

Hasil dari KTT Resmi ASEAN

KTT ke-1

- Deklarasi Kerukunan ASEAN; Perjanjian Persahabatan dan Kerja Sama di Asia Tenggara (TAC); serta Persetujuan Pembentukan Sekretariat ASEAN.

KTT ke-2

- Pencetusan Bali Concord 1.

KTT ke-3

- Mengesahkan kembali prinsip-prinsip dasar ASEAN.
- Solidaritas kerjasama ASEAN dalam segala bidang.
- Melibatkan masyarakat di negara-negara anggota ASEAN dengan memperbesar peranan swasta dalam kerjasama ASEAN.
- Usaha bersama dalam menjaga keamanan stabilitas dan pertumbuhan kawasan ASEAN.

KTT ke-4

- ASEAN dibentuk Dewan ASEAN Free Trade Area (AFTA) untuk mengawasi, melaksanakan koordinasi.
- Memberikan penilaian terhadap pelaksanaan Skema Tarif Preferensi Efektif Bersama (Common Effective Preferential Tariff/CEPT) menuju Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN.

KTT ke-5

- Membicarakan upaya memasukan Kamboja, Laos, Vietnam menjadi anggota serta memperkuat identitas ASEAN.

KTT ke-6

- Pemimpin ASEAN menetapkan *Statement of Bold Measures* yang juga berisikan komitmen mereka terhadap AFTA dan kesepakatan untuk mempercepat pemberlakuan AFTA dari tahun 2003 menjadi tahun 2002 bagi enam negara penandatanganan skema CEPT, yaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.

KTT ke-7

- Mengeluarkan deklarasi HIV/AIDS.
- Mengeluarkan deklarasi Terorisme, karena menyangkut serangan terorisme pada gedung WTC di Amerika.

KTT ke-8

- Pengeluaran deklarasi Terorisme, bagaimana cara-cara pencegahan.
- Pengesahan ASEAN Tourism Agreement.

KTT ke-9

- Pencetusan Bali Concord II yang akan dideklarasikan itu berisi tiga konsep komunitas ASEAN yang terdiri dari tiga pilar, yaitu Komunitas Keamanan ASEAN (ASC), Komunitas Ekonomi ASEAN (AEC) dan Komunitas Sosial Budaya ASEAN (ASSC).

KTT ke-10

- Program Aksi Vientiane (Vientiane Action Program) yang diluluskan dalam konferensi tersebut menekankan perlunya mempersempit kesenjangan perkembangan antara 10 negara anggota ASEAN, memperluas hubungan kerja sama dengan para mitra untuk membangun sebuah masyarakat ASEAN yang terbuka terhadap dunia luar dan penuh vitalitas pada tahun 2020.

KTT ke-11

- Perjanjian perdagangan jasa demi kerja sama ekonomi yang komprehensif dengan Korea Selatan, memorandum of understanding (MoU) pendirian

ASEAN-Korea Center, dan dokumen hasil KTT Asia Timur yang diberi label Deklarasi Singapura atas Perubahan Iklim, Energi, dan Lingkungan Hidup.

KTT ke-12

- Membahas masalah-masalah mengenai keamanan kawasan, perundingan Organisasi Perdagangan Dunia (WTO), keamanan energi Asia Tenggara, pencegahan dan pengendalian penyakit AIDS serta masalah nuklir Semenanjung Korea.

KTT ke-13

- Penandatanganan beberapa kesepakatan, antara lain seperti perjanjian perdagangan dalam kerangka kerjasama ekonomi dan penandatanganan kerjasama ASEAN dengan Korea Center, menyepakati ASEAN Center.

KTT ke-14

- Penandatanganan persetujuan pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-Selandia Baru [1)

5.3 Kerjasama Dua Hala

Kerjasama dua hala dipertingkatkan dengan negara rakan melalui penubuhan 22 buah pejabat perwakilan baru, menanda tangani 14 perjanjian kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal, dan mengadakan 23 Mesyuarat Suruhanjaya Bersama. Kerjasama perdagangan dan perkhidmatan telah dipertingkatkan dengan termeterainya 45 perjanjian perdagangan dan perkhidmatan. Rundingan bagi perjanjian perdagangan bebas dua hala dimulakan dengan beberapa rakan dagangan utama.

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Jepun-Malaysia (JMEPA) ditanda tangani pada tahun 2005 untuk menggalak kerjasama, liberalisasi dan pemudahan dalam perdagangan dan pelaburan. Rundingan yang sama dibuat dengan Pakistan, India, Australia dan New Zealand manakala persediaan juga dibuat untuk rundingan dengan Amerika Syarikat dan Chile. Di samping itu, Jawatankuasa Strategi Pembangunan Bersama (JDS) kawasan sempadan Malaysia-Thailand ditubuhkan untuk menggalak pembangunan ekonomi dalam empat negeri di Malaysia dan lima provinsi di Thailand.

Malaysia terus menerima bantuan pembangunan rasmi (ODA) dua hala namun pada tahap yang lebih rendah. Jepun merupakan rakan bantuan dua hala terbesar yang menyediakan pinjaman mudah sebanyak AS\$1.5 bilion untuk projek pembangunan sumber manusia, enterpris kecil dan sederhana (EKS) dan infrastruktur.

Jumlah bantuan teknikal dua hala yang diterima oleh Malaysia ialah sebanyak AS\$328.4 juta. Daripada jumlah tersebut, AS\$260.1 juta atau 79 peratus diterima daripada Jepun, seperti ditunjukkan dalam Jadual 27-1. ODA yang diterima daripada Denmark ialah sebanyak AS\$46.4 juta dalam bidang alam sekitar dan AS\$12.5 juta daripada Jerman bagi latihan kemahiran. Malaysia telah dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan ODA Australia pada tahun 2003 dan Kanada pada tahun 2004.

Selaras dengan komitmen Malaysia terhadap regionalisme terbuka, Malaysia meneruskan penyertaan aktif dalam ASEAN, APEC dan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM). ASEAN merupakan teras utama dasar luar dan serantau negara melibatkan kerjasama dalam bidang berkepentingan bersama yang luas. Penyertaan dalam APEC bertujuan memupuk kerjasama dalam isu perdagangan dan ekonomi serantau dan global yang luas, terutamanya dalam bidang pemudahan perdagangan dan perniagaan dan bina upaya. APEC juga menyediakan forum yang berguna untuk mendapat maklumbalas daripada komuniti perniagaan antarabangsa dalam pembentukan inisiatif APEC yang memudah dan meningkatkan aktiviti perniagaan dalam rantau Asia Pasifik. Kerjasama dengan ASEM adalah berdasarkan dialog politik, kerjasama ekonomi dan interaksi budaya.

Dalam tempoh Rancangan, anggota ASEAN meningkatkan kerjasama untuk menangani isu serantau dari segi ekonomi, politik dan keselamatan. Anggota ASEAN melalui Deklarasi ASEAN Concord II yang dibuat dalam Sidang Kemuncak ASEAN Kesembilan di Bali, Indonesia pada tahun 2003 telah mengesahkan semula komitmen penubuhan Komuniti ASEAN selaras dengan Wawasan 2020 ASEAN.

Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 dan Sidang Kemuncak Berkaitan yang diadakan pada 12 sehingga 14 Disember 2005. Sidang Kemuncak tersebut mencapai kemajuan yang baik ke arah mendalami komitmen untuk mengukuh integrasi ekonomi dalam rantau ini. Kemajuan ini termasuk mempercepatkan liberalisasi sektor perkhidmatan ASEAN sebanyak lima tahun kepada 2015 dan mempercepatkan lagi integrasi sektor perkhidmatan pelancongan dan penerbangan dalam pelaksanaan Fasa II Integrasi Sektor Utama.

Langkah diambil untuk memperkukuh rantaian ekonomi ASEAN dengan rakan dialog utama termasuk negara Plus Three¹, India, Rusia dan Australia-New Zealand. Framework Agreement on Comprehensive Economic Cooperation antara ASEAN dengan China ditanda tangani pada tahun 2002 memperuntuk, antara lain, penubuhan ASEAN-China Free Trade Area (FTA) menjelang tahun 2010. Perjanjian mengenai Trade in Goods dilaksanakan sejak 1 Julai 2005. Framework Agreement yang sama telah ditanda tangani antara ASEAN dengan Republik Korea, ASEAN

dengan India dan ASEAN dengan Jepun untuk mengukuhkan lagi kerjasama ekonomi termasuk penubuhan FTA untuk ASEAN dengan Republik Korea menjelang 2010, ASEAN dengan India 2011 dan ASEAN dengan Jepun 2012. Sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11, Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) yang pertama yang menyediakan forum untuk negara ASEAN dan Plus Three berunding dengan negara rakan, iaitu India, Australia-New Zealand dan Rusia mengenai isu berkepentingan strategik yang luas kepada rantau Asia Timur. Inisiatif rantau-kecil dalam ASEAN juga menerima perhatian yang lebih dengan penganjuran Sidang Kemuncak Pertama Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan Sidang Kemuncak Kedua Kawasan Pertumbuhan 1 *Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea*.

ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) pada 11 Disember 2005 di Kuala Lumpur. Untuk mengurangkan jurang pembangunan antara negara anggota ASEAN, Malaysia melaksanakan 33 projek bina upaya di bawah Initiative for ASEAN Integration (IAI) bagi Cambodia, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam dengan kos sebanyak RM5.8 juta.

Kerjasama Pelbagai Hala

Malaysia terus bekerjasama dengan Rancangan Colombo, Komanwel, OIC, NAM dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk meningkatkan kerjasama pembangunan. Kerjasama dengan Bank Pembangunan Asia (ADB), Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Bank Dunia adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan negara dalam pelbagai bidang seperti produktiviti, pelaburan dan pendidikan.

Malaysia terus mendapatkan bantuan modal daripada IDB sebanyak AS\$148.4 juta untuk pembelian peralatan. Malaysia menjadi tuan rumah Mesyuarat Lembaga Gabenor IDB Ke-30 pada bulan Jun 2005 dan dua Memorandum Persefahaman serta tiga perjanjian ditanda tangani termasuk program biasiswa anjuran bersama untuk pendidikan tertiar dan bina upaya dalam industri kelapa sawit di Sierra Leone. Malaysia juga dilantik untuk mempengerusi Suruhanjaya Wawasan 1440H IDB yang diamanahkan untuk mengenal pasti

cabaran yang dihadapi oleh ummah dan peranan masa hadapan IDB untuk menghadapi cabaran tersebut dengan lebih baik. Malaysia menyertai OIC Trade Preferential System dan menanda tangani peraturan pembayaran dua hala (BPA) dengan beberapa negara anggota OIC. Selaras dengan komitmen terhadap usaha menjaga keamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia menyertai 13 misi di Afrika, Timur Tengah, Eropah Tengah, Caribbean dan Asia.

Malaysia menerima bantuan teknikal berjumlah AS\$35.5 juta daripada agensi khusus PBB. Walau pun bantuan teknikal yang diterima semakin berkurangan, Malaysia terus bekerjasama dengan agensi tersebut seperti Program Pembangunan PBB (UNDP), Tabung Kependudukan PBB (UNFPA) dan Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF). Namun Malaysia semakin mengambil peranan yang lebih besar sebagai rakan pembangunan dengan projek dilaksanakan secara perkongsian kos.

Pencapaian matlamat MDG telah didokumen dan dilancarkan pada bulan Januari 2005. Laporan ini menonjolkan pencapaian Malaysia dalam kesemua sasaran MDG, iaitu kemiskinan, kesihatan dan pendidikan, alam sekitar dan perkongsian global, lebih awal daripada tahun 2015 sepertimana yang disasar, melainkan Matlamat Keenam, iaitu menghentikan dan mengurangkan jangkitan HIV/AIDS. Sumbangan Malaysia kepada pertubuhan dan institusi pelbagai hala adalah sebanyak RM341.3 juta, seperti ditunjukkan dalam Jadual 27-2.

5.4 Program Kerjasama Teknikal Malaysia

Dalam tempoh Rancangan, Malaysia memperluas lagi skop kerjasama Selatan-Selatan melalui perkongsian pengalaman pembangunan dengan negara membangun lain.

Jadual 1 : Bantuan Teknikal Diterima Mengikut Sumber, 2001-2005 (AS\$ '000)

Sumber	2001	2002	2003	2004	2005	RMKe-8
Dua Hala	75,990	66,831	71,500	61,200	52,900	328,421
Australia	1,790	831	3,100	0	0	5,721
Kanada	1,100	1,300	800	500	0	3,700
Denmark	9,200	7,200	14,500	9,600	5,900	46,400
Jerman	2,700	2,500	3,100	2,200	2,000	12,500
Jepun	61,200	55,000	50,000	48,900	45,000	260,100
Pelbagai Hala	7,555	6,997	7,419	6,692	9,009	37,672
Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)/Tabung	7,335	6,731	7,214	6,219	8,042	35,541
Pertubuhan Makanan dan Pertanian	200	453	800	300	400	2,153
Tabung Kemudahan Alam Sekitar Global	1,600	2,580	2,200	2,000	3,300	11,680
Agensi Tenaga Atom Antarabangsa	350	421	493	522	603	2,389
Protokol Montreal	1,764	338	359	295	160	2,916
Program Kawalan Dadah PBB	0	3	20	13	15	51
Program Pembangunan PBB	746	1,055	1,290	1,218	1,200	5,509
Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB	600	23	10	30	30	693
Tabung Kependudukan PBB	150	150	300	200	200	1,000
Tabung Kanak-kanak PBB	693	405	462	611	1,214	3,385
Pertubuhan Kesihatan Sedunia	490	480	480	430	420	2,300
Agensi Khusus PBB yang lain/ Pertubuhan Antarabangsa	742	823	800	600	500	3,465
Bank Pembangunan/Institusi Kewangan	220	266	205	473	967	2,131
Bank Pembangunan Asia	0	0	0	0	0	0
Bank Pembangunan Islam	0	52	50	108	504	714
Bank Dunia ¹	220	214	155	365	463	1,417
Jumlah	83,545	73,828	78,919	67,892	61,909	366,093

Sumber : Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2005). <http://www.mohe.gov.my>

Akses pada Ogos 26, 2010

Sehubungan ini, skop dan liputan PKTM diperluas dengan tumpuan terus diberi kepada pembangunan modal insan, kerjasama berbentuk projek dan khidmat nasihat. Bilangan negara ahli PKTM meningkat daripada 121 kepada 135 negara manakala 16 institusi latihan baru menyertai program tersebut dengan menyediakan kursus jangka pendek.

Dengan itu, jumlah institusi latihan telah meningkat hampir dua kali kepada 34. Dalam tempoh Rancangan, jumlah peserta meningkat dengan ketara, iaitu 158 peratus kepada 7,030 peserta berbanding 2,724 peserta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, seperti ditunjukkan dalam Carta 1. Sejumlah RM164.3 juta dibelanja untuk melaksanakan aktiviti PKTM.

Beberapa projek khusus dilaksanakan termasuk bantuan khas dalam bentuk khidmat perunding untuk Algeria, Pakistan, Sudan, Timor Leste, Uganda, Afrika Selatan dan Namibia serta projek pembangunan di Bosnia Herzegovina, Malawi, Laos, PDR dan kajian kemungkinan di Iran, Syria dan Myanmar. Bagi mengukuhkan impak program tersebut, PKTM melaksanakan beberapa inisiatif termasuk menggalakkan rangkaian antara alumni PKTM, mengeluarkan video korporat, menerbit buku PKTM dan kalendar kursus tahunan serta menerbit MTCP Alumni Newsletter sebanyak tiga kali setahun.

Program Alumni Homecoming and Study Visit diadakan pada bulan Mei 2005 bagi memperbaharui hubungan dua hala dan menggalakkan rangkaian antara alumni dengan rakan sejawat di Malaysia termasuk sektor swasta. Kerjasama telah dibuat dengan Rancangan Colombo dan Japan International Cooperation Agency (JICA) bagi menjalankan 47 kursus di bawah Program Kerjasama Latihan bagi Negara Ketiga (TCTP) secara perkongsian kos berasaskan 11 tema seperti diplomasi, latihan perubatan, latihan kemahiran dan pembangunan EKS.

Prospek Kerjasama 2006-2010

Dalam tempoh RMKe-9, Malaysia akan terus memainkan peranan secara aktif untuk menggalakkan kerjasama antarabangsa peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala bagi mewujudkan sistem yang lebih adil dan saksama pada peringkat antarabangsa untuk mencapai matlamat negara. Di samping tumpuan terus diberikan kepada bina upaya dan perkongsian pengalaman dengan negara Selatan, PKTM akan memula hala tuju strategik baru yang akan meningkatkan lagi penglibatan sektor swasta dan NGO dalam melaksanakan program serta memperkemas aktiviti bagi meningkatkan keberkesanan kos dan impak.

Dalam tempoh Rancangan, Malaysia akan meneruskan dasar mengenai kerjasama pembangunan melalui penubuhan dan pengukuhan hubungan dua hala dengan negara maju dan negara membangun. Teras hubungan dua hala negara adalah untuk memperkukuh hubungan bagi faedah bersama.

Pejabat perwakilan yang baru akan ditubuhkan di negara rakan manakala mekanisme Mesyuarat Suruhanjaya Bersama akan diperkukuh untuk memantap hubungan dua hala, terutama kerjasama dalam sains dan teknologi, pertukaran pendidikan dan kebudayaan serta perdagangan dan pelaburan. Sehubungan ini, perjanjian jaminan pelaburan (IGA), BPA dan Tatacara Kredit dan Pembayaran Minyak Sawit (POCPA) serta perjanjian perdagangan dan pelaburan akan dirundingkan antara Malaysia dengan negara yang menjalin kerjasama.

Bantuan Pembangunan Rasmi Dua Hala. Malaysia akan terus berusaha mendapatkan kerjasama daripada sumber tradisional pinjaman pembangunan bagi melaksanakan projek dalam bidang tumpuan yang dikenal pasti, terutama pembangunan modal insan. Malaysia dan Japan Bank for International Cooperation (JBIC) akan menjalankan penilaian bersama mengenai projek ODA dua tahun selepas projek tersebut disiapkan bagi memasti projek berkenaan memberi faedah bersama. Melalui pendekatan ini projek akan dinilai daripada perspektif kedua-dua negara, dengan ini menyumbang kepada penggubalan projek masa hadapan.

Bantuan Teknikal Dua Hala. Dalam tempoh Rancangan, bantuan teknikal daripada Jepun akan berpandu kepada JMEPA. Sehubungan ini, inisiatif, program dan projek akan dilaksanakan di bawah Economic Partnership Programme (EPP), iaitu program di bawah Perjanjian tersebut. Di bawah EPP, kedua-dua negara adalah komited kepada objektif meningkatkan pembangunan sosioekonomi, memperkukuh daya saing, membangun modal insan, menggalak pembangunan mampan dan merapat jurang antara Malaysia dengan Jepun.

Bantuan teknikal akan terus merangkumi kajian pembangunan, kerjasama berbentuk projek, geran kebudayaan serta penghantaran Japan Overseas Cooperation Volunteers (JOCV), Japan Senior Volunteers (JSV) dan pakar. JOCV dan JSV akan ditempatkan untuk melengkap dan menyokong kerjasama berbentuk projek dan khidmat pakar. JOCV akan terus memberi khidmat, terutama dalam pembangunan desa, pendidikan khas, khidmat kebajikan masyarakat dan alam sekitar. Pengalaman dan kepakaran JSV akan terus menyumbang ke arah bina upaya serta pemindahan kepakaran teknikal dan industri untuk pembangunan sektor pembuatan.

Dalam tempoh Rancangan, kerjasama dengan Danish International Development Agency (DANIDA) akan terus ditumpu kepada komponen bahan berbahaya alam sekitar, pengurusan sisa pepejal dan pengurusan biodiversiti di bawah Environment Cooperation Programme (ECP). Unit Sokongan Program akan ditubuhkan di Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada tahun 2006 sebagai sekretariat untuk mengkaji dan melaksana projek ECP. Unit ini juga akan mengambil alih fungsi pasukan DANIDA di Kuala Lumpur mulai tahun 2007 seterusnya sementara DANIDA akan terus memberi sokongan kepada ECP dari segi prosedur dan perkara teknikal. Satu program sistem pemantauan ECP akan juga diwujudkan untuk memasti keberkesanannya.

Kerjasama teknikal dengan Jerman akan diterus melalui Deutsche Gesellschaft Fur Technische Zusammenarbeit (GTZ) bagi Projek Pendidikan Perhutanan Malaysia-Jerman dengan tempoh pelaksanaan selama enam tahun yang dijangka berakhir pada tahun 2009. Projek ini akan merangkumi pembangunan kurikulum dalam bidang perhutanan untuk kursus di peringkat ijazah dan ijazah lanjutan serta meningkat keupayaan penyelidikan dan khidmat nasihat. Melalui projek ini, Universiti

Malaysia Sabah dijangka dapat membangunkan lagi Sekolah Antarabangsa Perhutanan Tropika yang akan menggalakkan pembangunan perhutanan yang mampan, terutamanya memandangkan jaraknya yang dekat dengan salah satu ekosistem hutan terbesar di dunia.

Program Kerjasama Selatan-Selatan

Sebagai pelopor utama kepada kerjasama Selatan-Selatan dan selaras dengan dasar “prosper-thy-neighbour”, Malaysia melalui PKTM akan terus menawar kerjasama teknikal kepada negara Selatan yang lain dalam tempoh Rancangan. PKTM akan memainkan peranan lebih strategik dalam memperkukuh perkongsian pintar, meningkatkan hubungan dua hala dan menggalakkan keupayaan berdikari di kalangan negara membangun melalui perkongsian pengetahuan dan pengalaman serta pembangunan modal insan. PKTM akan berusaha untuk bekerjasama rapat dengan sektor swasta dan NGO serta melaksana program secara perkongsian kos dengan negara anggota dan rakan pembangunan seperti JICA dan Rancangan Colombo bagi meluaskan skop dan liputannya.

Teras strategik PKTM adalah untuk mempromosi perkongsian kerjasama, penglibatan lebih giat sektor swasta dan NGO serta pelancongan, industri, kesihatan dan pendidikan. Mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian PKTM akan diperkukuh bagi meningkatkan impak dan keberkesanannya.

Selaras dengan usaha untuk meningkat kerjasama Selatan-Selatan, PKTM akan memperluas program untuk mempromosi perkongsian di kalangan negara anggota. Pendekatan tersebut akan memperkukuh lagi hubungan perdagangan dan ekonomi dua hala antara PKTM dengan negara anggota. PKTM akan terus bekerjasama dengan NGO untuk membantu negara yang terlibat dengan tsunami dalam pengurusan risiko bencana. Kerjasama dengan NGO termasuk menganjurkan kursus bina upaya seperti pengurusan bencana dengan MERCY Malaysia serta untuk bantuan kemanusiaan.

Dalam tempoh Rancangan, usaha akan diambil bagi menggalakkan pelancongan, industri, kesihatan dan pendidikan melalui PKTM dengan merangkumi program lawatan ke destinasi pelancongan, industri serta kemudahan kesihatan ke dalam

kurikulum kursus. Biasiswa peringkat lepasan ijazah yang disediakan bawah PKTM akan diperengkap dengan program biasiswa khas, iaitu Program Biasiswa Antarabangsa Perdana, yang dikendalikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Langkah akan diambil untuk meningkat impak PKTM melalui pengukuhan mekanisme pelaksanaannya, pemantauan dan penilaian. Kaedah sedia ada kerjasama teknikal di kalangan negara membangun (TCDC) akan terus dihalusi dan skopnya diperluas terutama bagi menangani jurang digital, pembasmian kemiskinan dan tadbir urus ke atas perdagangan dan pelaburan global serta mempromosi proses ke arah pembentukan keamanan. Kaedah ini akan dikaji secara berterusan bagi mencerminkan keperluan semasa negara penerima. PKTM akan melaksana kursus TCTP dengan kerjasama rakan pembangunan seperti JICA dan Rancangan Colombo dalam bidang khusus dengan penyertaan lebih luas institusi sektor swasta.

Usaha akan dipertingkatkan untuk bekerja rapat dengan perwakilan Malaysia di luar negara bagi melaksana PKTM secara lebih berkesan. Perwakilan tersebut akan membantu menubuh persatuan alumni dan menjalin rangkaian dalam negara anggota. Program PKTM akan terus menggunakan rangkaian alumni sebagai forum untuk mendapat input merancang hala tuju masa hadapan PKTM. Rangkaian alumni akan dijadikan sebagai sumber pakar rujuk seminar, bengkel dan persidangan. Rangkaian tersebut juga akan dipertingkatkan dengan penubuhan data exchange yang akan membolehkan perkongsian maklumat di kalangan semua institusi latihan.

Program PKTM akan terus aktif menyokong kerjasama Selatan-Selatan termasuk kerjasama dengan pertubuhan pelbagai hala, negara penderma dan negara membangun lain untuk menyediakan TCTP dan bentuk kerjasama teknikal lain kepada negara anggota. Sehubungan ini, lebih ramai negara anggota akan digalakkan untuk menyertai program sebagai rakan kongsi PKTM melalui kaedah perkongsian kos. Pendekatan tersebut akan diguna pakai kepada negara anggota yang lebih membangun, terutamanya negara yang mempunyai pendapatan per kapita lebih tinggi daripada Malaysia.

Institusi Pelaksanaan Dan Peruntukan

Bagi melaksanakan program kerjasama dua hala dan pelbagai hala yang berkesan, agensi utama ialah Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan UPE. Agensi ini akan memberi tumpuan kerjasama dalam bidang keutamaan yang akan menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara dan integrasi serantau serta rangkaian antarabangsa. Perwakilan Malaysia di luar negara akan juga memainkan peranan penting untuk melaksana program latihan PKTM dan mempromosi aktiviti lain termasuk rangkaian alumni PKTM. UPE akan menyelaras, memantau dan menilai aktiviti PKTM serta menyediakan peruntukan kepada semua institusi latihan dan agensi yang melaksana kursus PKTM.

Dalam tempoh RMKe-9, sebanyak RM200 juta akan diperuntukkan kepada PKTM dan daripada jumlah tersebut lebih kurang 75 peratus akan dibelanja bagi pembangunan modal insan. Peruntukan tersebut merupakan pertambahan sebanyak 25 peratus berbanding dengan peruntukan RMKe-8.

Dalam tempoh RMKe-8, Malaysia bekerjasama aktif dengan komuniti serantau dan global bagi meningkatkan hubungan dua hala, serantau dan pelbagai hala. Kerjasama Selatan-Selatan terus diberi penekanan sebagai wahana untuk Malaysia menggalakkan hubungan ekonomi yang lebih besar dengan negara membangun lain bagi faedah bersama. Kemajuan ketara dicapai dalam perluasan skop dan liputan PKTM dan perkongsian dengan agensi pembangunan antarabangsa lain serta menggalakkan kerjasama serantau terutama menerusi ASEAN.

Dalam tempoh RMKe-9, usaha akan diambil untuk mempertingkatkan kerjasama antarabangsa dua hala dan pelbagai hala untuk meneroka peluang baru bagi pembangunan ekonomi. Kerjasama serantau dengan anggota lain ASEAN akan diberi penekanan dan kerjasama di kalangan serantau akan digalakkan lagi melalui penyertaan dalam aktiviti APEC. Malaysia juga menggalakkan hubungan ekonomi di kalangan anggota OIC terutamanya dalam perdagangan dan pelaburan serta bina upaya dengan tujuan membasmi kemiskinan. PKTM akan memainkan peranan ketara

dalam mempertingkat hubungan ekonomi dan politik dua hala dengan negara anggota. Kerjasama dengan negara membangun lain akan terus diberi penekanan

5.5 Kerjasama Serantau

Dalam tempoh Rancangan, Malaysia akan terus bekerjasama pada peringkat serantau untuk menjadikan rantau ini lebih dinamik dan meningkat lagi kerjasama antara rantau. Malaysia akan juga bekerjasama dengan negara serantau untuk menangani isu bersama dan meningkat daya saing untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan melalui integrasi ekonomi yang lebih rapat, khususnya di kalangan anggota ASEAN.

Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara. Malaysia bersama anggota ASEAN lain akan terus mengambil langkah untuk memperkukuh integrasi ekonomi ASEAN ke arah mencapai matlamat Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang tahun 2020. Sehubungan ini, Malaysia akan bekerjasama secara aktif dengan anggota ASEAN untuk melaksana pelbagai inisiatif di bawah Vientiane Action Programme (VAP) dan Perjanjian Rangka Kerja Bagi Integrasi Sektor Utama. Liberalisasi sektor perkhidmatan yang dicepatkan dijangka akan menggalak perdagangan dalam perkhidmatan di kalangan anggota ASEAN dan juga menyediakan ransangan yang perlu untuk mengekal dan meningkat pertumbuhan ekonomi.

Dalam tempoh Rancangan, selain daripada ASEAN-China FTA in Goods, ASEAN juga akan melaksana ASEAN-Korea FTA in Goods pada tahun 2006. Usaha akan dipertingkatkan untuk memuktamadkan rundingan FTA yang sedang berlangsung dengan rakan dialog lain. Semua FTA ini dijangka akan mempunyai impak penting ke atas ekonomi ASEAN dan menyediakan pemangkin bagi terus menarik pelaburan asing ke rantau ini.

Malaysia akan terus memberi galakan dan menyokong kerjasama dalam rangka kerja ASEAN Plus Three ke arah penubuhan komuniti Asia Timur termasuk kemungkinan mewujudkan FTA Asia Timur. Kerjasama dengan Jepun, Republik Rakyat China dan Republik Korea akan diteruskan bagi menjayakan inisiatif pembangunan rantau kecil, terutama dalam kawasan Pertumbuhan Segi Tiga dan usaha untuk mengurangkan jurang pembangunan antara negara anggota ASEAN. Malaysia akan juga menerajui usaha memperkemas dan memperkukuh ASEAN melalui penilaian semula institusi dan menerima pakai Piagam ASEAN.

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik. Malaysia akan terus memberi penekanan untuk memperkukuh pembangunan ekonomi serantau dan meningkatkan kemakmuran bersama di rantau Asia Pasifik. Sehubungan ini, perdagangan dan pemudahan perniagaan akan dilaksana dengan kos menjalankan perniagaan dikurangkan dan inisiatif bina upaya akan terus diberi penekanan. Malaysia akan menggalak lagi usaha di kalangan negara anggota untuk meningkat kerjasama ekonomi dan teknikal serta membina keupayaan modal insan dan institusi.

Kerjasama Pelbagai Hala

Dalam tempoh Rancangan, Malaysia akan terus menyertai dan menyokong program organisasi pelbagai hala. Malaysia akan berusaha ke arah pembaharuan PBB bagi menjadikan proses membuat keputusan peringkat global lebih demokratik, memperkukuh usaha pelbagai hala dan menangani isu kemiskinan di negara Selatan. Malaysia juga akan terus bekerjasama dengan PBB dalam usaha menjaga keamanan dan ke arah penyelesaian konflik. Walau pun bantuan teknikal daripada sumber pelbagai hala berkurang dalam tempoh Rancangan, kerjasama akan diteruskan terutamanya untuk mencapai sasaran melepasi MDG.

Malaysia akan mempromosi kaedah kerjasama baru melalui rundingan dengan rakan pembangunan termasuk pelaksanaan projek secara perkongsian kos. Di samping itu, Malaysia dengan kerjasama komuniti antarabangsa akan terus melaksana kaedah yang inovatif untuk membiayai pembangunan infrastruktur di negara membangun.

Pertubuhan Persidangan Islam. Bagi meningkat lagi hubungan ekonomi di kalangan anggota OIC, Malaysia akan bekerjasama dengan negara anggota untuk melaksana inisiatif perniagaan yang akan menggalakkan perdagangan dan pelaburan antara negara anggota. Kerjasama ini termasuk meningkat peluang untuk memperoleh barangan dan perkhidmatan berkualiti daripada negara anggota. Malaysia akan bekerjasama dengan negara anggota untuk meningkat pewujudan kekayaan melalui aktiviti seperti pengeluaran dan pembekalan produk dan perkhidmatan halal, perbankan dan kewangan Islam, pendidikan serta pelancongan.

Untuk mempromosi semangat berdikari, Malaysia akan terus menggalak negara OIC yang lebih membangun membantu pembangunan ekonomi negara anggota yang kurang membangun melalui bina upaya dengan tujuan membasmi kemiskinan. Pendekatan ini akan merapat jurang pembangunan yang ketara antara 10 negara OIC yang juga anggota OPEC dengan 22 negara OIC yang dikategorikan oleh PBB sebagai negara kurang membangun. Dalam melaksanakan Program Bina Upaya Negara OIC, Malaysia akan bekerjasama dengan IDB dan negara OIC yang lain membantu negara anggota berpendapatan rendah dan negara kurang maju yang dikenal pasti. Program ini termasuk bina upaya dalam bidang perikanan di Bangladesh, pembangunan perusahaan kecil dan pembiayaan mikro di Aceh, Indonesia, pembangunan sumber minyak dan galian di Mauritania serta bina upaya dalam industri kelapa sawit di Sierra Leone. Di samping itu, Fasa II program ini melibatkan Comoros, Guinea, Maldives, Burkina Faso, Palestin dan Somalia.

Pergerakan Negara-Negara Berkecuali. Tempoh Malaysia menjadi Pengerusi NAM akan berakhir pada tahun 2006 dan akan diambil alih oleh Cuba. Sebagai bekas negara pemimpin NAM, Malaysia akan terus aktif dalam menyumbang kepada pengukuhan NAM bagi menghadapi cabaran baru global, menggalak dan memperkukuh usaha pelbagai hala, memastikan kedaulatan undang-undang antarabangsa dan satu order dunia yang demokratik dan saksama serta keamanan dan kestabilan global. Pusat Pembangunan Gender di Malaysia yang ditubuhkan di bawah NAM akan menerajui program yang akan menyumbang ke arah pembangunan gender di kalangan negara anggota.

Bank Pembangunan Asia. Untuk mengukuh keupayaan negara, Malaysia akan terus menyertai program yang ditawarkan oleh ADB. Di samping itu, kerjasama dengan ADB akan merangkumi perkongsian pengalaman pembangunan dengan negara Selatan melalui lawatan sambil belajar dibiayai oleh ADB dalam pelbagai bidang teknikal. Bidang kerjasama baru akan diteroka bagi meningkat daya saing negara dan menggalakkan kadar pertumbuhan yang mampan dalam rantau ini serta integrasi ekonomi yang lebih kukuh.

Bank Pembangunan Islam. Malaysia akan terus bekerjasama dengan IDB untuk menggalak dan memperkukuh lagi kerjasama di kalangan negara anggota termasuk

menyokong aktiviti Suruhanjaya Wawasan 1440H IDB. Sebagai Pengerusi Suruhanjaya ini, Malaysia akan memainkan peranan utama dalam merangka pelan tindakan IDB untuk meningkat kerjasama perniagaan dan hubung kait ekonomi melalui rundingan dengan negara anggota.

Malaysia akan menyumbang kepada bina upaya dan pembangunan institusi sistem kewangan global Islam dengan mengguna kepakaran, pengalaman dan pengetahuan sedia ada. Sehubungan ini, Malaysia akan menawar program bina upaya dalam bidang pasaran modal Islam melalui Pusat Pembangunan Industri Sekuriti, iaitu institusi pendidikan dan latihan Suruhanjaya Sekuriti. Usaha akan juga dijalankan untuk bekerjasama dengan institut penyelidikan dan latihan IDB dan negara anggota lain ke arah mewujudkan sekumpulan profesional Muslim dalam bidang pasaran modal.

Malaysia akan terus memperoleh pembiayaan daripada IDB dan menyertai program bina upaya untuk negara anggota termasuk program sangkutan, penghantaran pakar dalam bidang teknikal khusus dan menjadi tuan rumah program lawatan sambil belajar daripada negara anggota. Dalam tempoh Rancangan, kerjasama dengan IDB akan dipertingkat melalui pemberian 200 biasiswa secara perkongsian kos kepada pelajar daripada negara IDB untuk mengikuti kursus pada peringkat siswazah dan pasca siswazah di universiti tempatan.

Bank Dunia. Kerjasama dengan Bank Dunia adalah terutamanya melalui bantuan teknikal dalam bidang tertentu seperti pelaburan, daya saing, pendidikan dan pertanian. Pakar antarabangsa yang akan melaksanakan aktiviti khidmat nasihat khusus akan terus diambil daripada Bank Dunia, sekiranya diperlukan.

Agensi Khusus PBB. Dalam tempoh Rancangan, bantuan teknikal daripada agensi khusus PBB dijangka akan berkurang. Sehubungan ini, kaedah pembiayaan baru akan diteroka untuk melaksana projek dengan rakan pembangunan.

Bagi meneruskan kerjasama dengan UNICEF, Jawatankuasa Penasihat Kebangsaan yang terdiri daripada wakil agensi Kerajaan dan NGO akan mengkaji semula dan memperaku kaedah alternatif untuk dilaksanakan secara sistematik dan

telus bagi mengoptimumkan sumber sedia ada setelah Program Pelan Tindakan Negara UNICEF berakhir pada tahun 2007. Kerjasama dengan UNFPA juga akan dikaji semula dalam tempoh Rancangan untuk memaksimum faedah kepakarannya. Projek kerjasama yang dilaksana secara perkongsian kos dengan rakan pembangunan dijangka semakin meningkat.

Bantuan teknikal daripada rakan pembangunan pelbagai hala seperti UNDP, UNFPA, UNICEF dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) akan memberi tumpuan untuk mencapai sasaran melepasi MDG melalui projek pengurangan kemiskinan, pengurusan alam sekitar, tadbir urus, kesihatan, pendidikan dan isu mengenai gender. Kerjasama dengan rakan pembangunan akan semakin berasas kepada pembiayaan bersama, iaitu apabila Malaysia terus mencapai kemajuan dalam bidang tersebut.

Pembiayaan bagi projek seperti kepelbagaian biologi, kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharu, perubahan cuaca dan pengurangan pengeluaran chlorofluorocarbons (CFC) serta bahan lain yang mengurangkan lapisan ozon (ODS) ke dalam atmosfera akan terus diperoleh daripada tabung pelbagai hala termasuk Tabung Kemudahan Alam Sekitar Global (GEF). Malaysia juga akan menggunakan rangkaian global agensi khusus PBB untuk mendapat akses kepada idea baru.

Kerjasama Selatan-Selatan dengan rakan pembangunan pelbagai hala akan dipertingkatkan. Sehubungan ini, Malaysia akan terus berkongsi pengalaman pembangunan dengan negara Selatan, terutama negara Afrika dan Asia Tengah dengan memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan, perancangan pembangunan dan pembangunan EKS. Aktiviti ini melibatkan latihan khusus jangka pendek dan lawatan sambil belajar yang akan dikendalikan bawah PKTM serta kerjasama dengan agensi pembangunan antarabangsa lain.

Organisasi Pelbagai Hala Lain. Rundingan dengan WTO akan ditumpu kepada peningkatan akses pasaran tanpa memasukkan isu luaran. Malaysia akan mengguna sepenuhnya penyertaan sebagai pemerhati dalam lapan jawatankuasa serta tiga kumpulan kerja dan pakar dalam Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) untuk meningkatkan lagi keupayaan menangani cabaran baru perdagangan antarabangsa. Di samping itu, Malaysia akan dapat menyuara

pandangan terhadap isu perdagangan yang berkaitan dan terlibat dalam penggubalan dasar.

bagi membolehkan kepentingan negara Selatan disatukan bawah agenda global dan jurang pembangunan antara negara maju dengan negara membangun dirapatkan

6.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

